

KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DIDALAM DEWAN (SOALAN NO. 8
HINGGA 68)**

**NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 7 [RUJUK
PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**

**Nuraishah Abdullah
CAWANGAN PERUNDANGAN
PARLIMEN MALAYSIA**

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

DARIPADA LISAN Y.B. PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD.
YUSOFF (RANTAU PANJANG)

TARIKH 22.03.2012

SOALAN:

Y.B. PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD. YUSOFF [RANTAU PANJANG] minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah pelajar yang tercicir dalam pelajaran dan terlibat dengan salah laku dan disiplin sekolah sejak tahun 2007 hingga 2010 setiap tahun.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa prihatin terhadap masalah keciciran dan salah laku disiplin di negara ini. Salah satu punca murid-murid boleh tercicir dalam pelajaran ialah kerana murid tersebut sering ponteng sekolah. Sejak tahun 2007 hingga 2010 (4 tahun), jumlah yang terlibat ialah pada kadar purata 20,332 orang (0.37%) setahun. Manakala jumlah murid yang terlibat dengan salah laku disiplin secara keseluruhan dalam tempoh 2007 hingga 2010 ialah pada kadar purata 112,346 orang (2.07%) setahun.

Untuk makluman Ahli yang Berhormat mengenai jumlah murid yang tercicir dalam pelajaran akibat salah laku dan melanggar peraturan disiplin sekolah dari tahun 2007 hingga 2011 adalah seperti berikut:

Pada tahun 2007, seramai 1, 834 murid dikenakan hukuman buang sekolah, tahun 2008 seramai 1,848 murid, tahun 2009 seramai 1,534 murid, tahun 2010 seramai 1,348 murid manakala tahun 2011 seramai 1,131 murid dikenakan hukuman buang sekolah.

Walaupun bagaimanapun, selari dengan fungsi sekolah sebagai institusi yang mendidik dan membimbing generasi muda, murid-murid yang dikenakan hukuman buang sekolah akan diberi peluang kedua untuk bersekolah selain daripada sekolah asal dengan syarat ibu bapa murid tersebut mengemukakan rayuan secara bertulis kepada Pengarah Pelajaran Negeri (JPN).

Oleh yang demikian, jumlah murid yang tercacir akibat masalah disiplin adalah jauh lebih kecil daripada statistik bilangan murid yang dibuang sekolah dari tahun 2007 hingga 2011.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN DARIPADA

TARIKH RUJUKAN SOALAN

Datuk Haji Yusoff bin Haji Mahal [Labuan] minta MENTERI WILAYAH

PERSEKUTUAN : LISAN

DAN

**YB. DATUK HAJI YUSOFF BIN HAJI
MAHAL [LABUAN]**

: KHAMIS, 22 MAC 2012

: 04 [PR-1251-L49103]

KESEJAHTERAAN BANDAR menyatakan perancangan Kementerian dalam menyediakan kemudahan infrastruktur sebagai sokongan bagi persiapan Labuan menjadi hab minyak dan gas Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, Pelan Induk Perindustrian ke 3 (IMP3) dan di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP) telah menyenaraikan Wilayah Persekutuan Labuan sebagai salah satu hab minyak dan gas. Kementerian Wilayah Persekutuan Dan Kesejahteraan Bandar (KWPKB) dan Perbadanan Labuan sedang meneliti segala kemudahan infrastruktur yang diperlukan bagi menyokong industri ini.

Berasaskan kepada keputusan yang dinyatakan, pihak Kerajaan telah pun meluluskan kawasan seluas lebih kurang 600 ekar di Pulau Daat untuk dibangunkan sebagai kawasan perindustrian berasaskan minyak dan gas. Dalam perkara ini, KWPKB bersama dengan Perbadanan Labuan sedang memberi tumpuan untuk memudahkan perancangan dan pembangunan di Pulau Daat.

Selain daripada itu, Perbadanan Labuan juga telah mengambil inisiatif bagi menampung keperluan syarikat-syarikat yang terlibat dalam industri minyak dan gas melalui langkah-langkah berikut:

- i) Penyediaan Tapak Industri Kecil dan Sederhana (IKS) di Ranche-Ranche seluas 25 ekar yang boleh menempatkan 45 lot industri untuk disewakan oleh Perbadanan Labuan bagi keperluan industri yang berkaitan dengan industri minyak dan gas; dan

- ii) Menyediakan kawasan di kawasan Batu Arang bagi mendirikan *warehouse* dan menempatkan syarikat-syarikat yang menyediakan perkhidmatan sokongan kepada industri minyak dan gas.

KWPKB kini sedang meneliti projek-projek infrastruktur dan kemudahan sokongan yang mampu menyokong kedudukan Labuan sebagai hab minyak dan gas yang terkenal. Penelitian ini meliputi keperluan kemudahan pelabuhan dan jeti, kemudahan latihan bagi menyediakan tenaga kerja yang terlatih dalam bidang minyak dan gas, kemudahan '*venue* untuk *business matching*' dan promosi serta menggalakkan pembangunan perumahan dan kemudahan komersial.

Berasaskan kepada penelitian dan pertimbangan bagi keperluan kemudahan-kemudahan yang dinyatakan, ia akan dimasukkan ke dalam cadangan kepada pihak Kerajaan yang akan dikemukakan dalam *3rd Rolling Plan*.

SOALAN NO.:

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA YB. TUAN MOHD. YUSMADI BIN MOHD. YUSOFF
KAWASAN BALIK PULAU
TARIKH : 22 MAC 2012 (KHAMIS)

SOALAN:

YB. TUAN MOHD. YUSMADI BIN MOHD. YUSOFF (BALIK PULAU) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah cadangan Kementerian untuk menyelesaikan permasalahan kesesakan jalan raya daripada Teluk Kumbar menghala ke Bayan Lepas.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya sedia maklum mengenai isu kesesakan lalu lintas di Jalan Persekutuan 6, iaitu dari simpang tiga Teluk Kumbar ke Bayan Lepas, Pulau Pinang, khususnya pada waktu puncak.

Pada masa kini jalan raya selorong dua hala (*single carriageway*) sepanjang 5.5 kilometer itu mencatatkan kadar aliran trafik yang tinggi, iaitu sekitar 50,000 buah kenderaan sehari. Sehubungan itu, Kementerian Kerja Raya telah mencadangkan keutamaan projek ini kepada Agensi Pusat bagi tujuan dinaikkan

taraf dengan reka bentuk piawaian JKR R5 dalam RMKe-10. Anggaran kos projek terlibat ialah sebanyak RM165 juta. Pada masa kini peruntukan bagi tujuan mereka bentuk projek berkenaan telah diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM) manakala pelaksanaan fizikal projek pufa dijangka akan bermula pada tempoh *Rolling Plan* ke-3, RMKe-10, tertakluk kepada kelulusan UPE, JPM.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH
Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA DATUK IR. HAJIIDRIS BIN HAJIHARON
[TANGGA BATU]**

TARIKH 22 MAC 2012

SOALAN

Datuk IrHaji Idris Bin Haji Haron [Tangga Batu] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan kekurangan tenaga perubatan dan jururawat terlatih di Malaysia menjejaskan kualiti kesihatan negara, mengapa berlaku keadaan ini dan apakah tindakan kepada pelajar tajaan yang enggan balik berkhidmat di Malaysia terutama pelajar perubatan atas faktor gaji yang ditawarkan lebih tinggi di negara luar. Apakah inisiatif yang diambil untuk menangani masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa berusaha untuk menambah bilangan Pegawai Perubatan diKementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Perkara ini dapat dilihat melalui peningkatan lantikan Pegawai Perubatan Latihan Siswazah di KKM yang melebihi 3,000 orang setahun mulai tahun 2009 berbanding dengan hanya 1,290 orang pada tahun 2007. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, jumlah Pegawai

Perubatan Latihan Siswazah yang dilantik pada tahun 2011 ialah seramai

3,564 orang. Pertambahan yang amat ketara ini disumbang oleh peningkatan jumlah institusi pengajian tinggi dalam negara yang menawarkan kursus dalam bidang perubatan serta peningkatan tajaan pelajar dalam bidang perubatan ke luar negara.

Manakala bagi Jururawat pula, KKM tidak menghadapi masalah bagi mengisi kekosongan jawatan di KKM memandangkan Institusi Latihan KKM (ILKKM) mengeluarkan Jururawat terlatih antara 2600 ke 2,900 orang setahun.

Di samping itu, sebagai langkah tambahan KKM juga telah melantik Pegawai Perubatan secara kontrak untuk berkhidmat di fasiliti-fasiliti kesihatan KKM. Sehingga 29 Februari 2012, terdapat seramai 643 orang Pegawai Perubatan kontrak di KKM.

Dalam menangani isu keengganan pelajar tajaan dalam bidang perubatan untuk kembali berkhidmat di negara ini, berbagai usaha telah dijalankan oleh agensi-agensi penajaan terbabit bagi mengatasi masalah tersebut. Selain daripada itu, kajian melalui *Talent Corporation* juga telah menyediakan berbagai strategi dan insentif galakan.

No. Soalan: [12]

PR-1251-

L48880

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA DR. HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD [KUALA
SELANGOR]

TARIKH 22 MAC 2012

SOALAN

Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor] minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan bagaimanakah Kerajaan mahu memperkasakan semangat dan falsafah '*Global Movement of Moderates*' di negara kita sendiri yang sedang menyaksikan pertentangan kaum dan ketajaman perselisihan agama yang semakin meruncing dan kritikal mutakhir ini dengan pihak tertentu dan badan NGO tertentu berasa di kedudukan diserang, di bawah pengaruh pemikiran '*siege mentality*'.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kuala Selangor di atas pertanyaan yang telah dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Konsep kesederhanaan dalam Pergerakan Kesederhanaan Global atau *Global Movement of Moderates* (GMM) yang diketengahkan oleh Y.A.B Perdana Menteri sejak September 2010 di Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu telah diterima dan mendapat sambutan baik di peringkat antarabangsa, samada dari negara-negara maju mahupun negara-negara membangun.

3. Di antara negara-negara yang telah menyatakan sokongan mereka secara terbuka terhadap GMM ialah Amerika Syarikat, United Kingdom, Belanda, Denmark, Perancis, Portugal, Itali, Switzerland, Hungary, Austria, Slovakia, Latvia, Thailand, China, Korea Selatan, Indonesia, Filipina, India, Malta, Emiriah Arab Bersatu, Jordan, Arab Saudi, Tanzania, Namibia dan Kenya. Malah, Pope Benedict XVI juga telah menyuarakan sokongan terhadap GMM.

4. Selain itu, organisasi serantau seperti ASEAN; mesyuarat-

mesyuarat antarabangsa di peringkat Ketua Kerajaan seperti Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) dan Mesyuarat Asia-Eropah (ASEM); serta institusi-institusi akademik terkemuka seperti *Oxford Centre of Islamic Studies* di United Kingdom dan *East-West Center* di Hawaii telah menyatakan sokongan terbuka mereka terhadap konsep GMM.

5. Sambutan baik dan sokongan terbuka masyarakat antarabangsa ke atas GMM, bukan sahaja dari negara-negara luar, tetapi juga dari golongan cendekiawan, badan bukan kerajaan dan individu membuktikan bahawa GMM telah diterima sebagai amalan antarabangsa yang boleh dipraktikkan dalam pelbagai situasi dan bidang bagi mencapai keamanan, keharmonian dan kesejahteraan sejagat.

Tuan Yang di-Pertua,

6. Persidangan ulung Antarabangsa Gerakan Kesederhanaan Global yang berlangsung dari 17 hingga 19 Januari 2012 di Kuala Lumpur telah menerima sambutan yang amat baik. Seramai lebih 500 peserta dari serata dunia telah menghadiri Persidangan ini yang terdiri dari pemimpin-pemimpin kerajaan, para cendekiawan, badan-badan bukan kerajaan, organisasi-organisasi antarabangsa, tokoh-tokoh korporat, diplomat-diplomat asing, pemimpin-pemimpin agama dan aktivis-aktivis sosial.

7. Hasil dari Persidangan ini, satu Yayasan GMM telah ditubuhkan, bertujuan sebagai pusat mengumpul dan menyebarkan maklumat dan bahan-bahan kempen bagi mengatasi fahaman ekstremis. Sebuah Institut Wasatiyyah juga telah ditubuhkan sebagai sebahagian dari Pejabat Perdana Menteri bagi mempromosi dan memperjuangkan kesederhanaan dan keseimbangan di dalam semua aspek, seperti demokrasi, undang-undang, pendidikan, kemanusiaan dan keadilan sosial. Selain itu, sebuah Kerusi Akademik akan diadakan di Universiti Malaya bagi menggalakkan lebih ramai golongan cendekiawan mengkaji subjek kesederhanaan.

8. Melalui penubuhan Yayasan GMM, Institut Wasatiyyah dan Kerusi Akademik ini, konsep kesederhanaan akan disebarkan secara lebih meluas dan mendalam kepada pelbagai golongan masyarakat, samada di dalam mahupun di luar negara ke arah mencapai keamanan dan kesejahteraan sejagat. Bagi negara yang mempunyai rakyat berbilang kaum dan agama, konsep kesederhanaan dapat menghasilkan persefahaman, toleransi, tolak ansur dan perbincangan, bagi mengekalkan keharmonian dan kesejahteraan. Seperti yang dimaklumkan oleh Y.A.B. Perdana Menteri di Dewan yang mulia ini pada 13 Mac 2012, Malaysia memperjuangkan konsep kesederhanaan melalui GMM bukan sahaja dalam konteks membina sebuah negara bangsa yang lebih harmoni dan lebih bersatu padu, tetapi juga sebagai satu bentuk

pendekatan yang boleh membawa penyelesaian kepada soal keamanan sejagat.

9. Yayasan GMM telah diberi mandat untuk mempromosi GMM dan kini sedang merangka aktiviti tahunannya. Selain itu, Kerajaan kekal aktif dalam mempromosi konsep kesederhanaan dan GMM melalui pelbagai platform serantau dan antarabangsa seperti ASEAN, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Mesyuarat Asia-Eropah, Gerakan Negara-negara Berkecuali (NAM), serta melalui hubungan dua hala dengan pelbagai negara.

Sekian, terima kasih.

Soalan No : 13

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. DATO' MOHD JIDIN BIN SHAFEE (SETIU)

TARIKH	22.03.2012
--------	------------

SOALAN:

Y.B. DATO' MOHD JIDIN BIN SHAFEE [SETIU] minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah pelajar atau murid yang didapati masih tercicir dan tidak ke sekolah atas pelbagai faktor di seluruh negara dan berapa ramaikah pelajar atau murid yang menghadapi masalah buta huruf di seluruh negara mengikut pecahan tahun sejak 2008.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Statistik pendidikan menunjukkan jumlah murid yang tidak menyambung pelajaran di semua peringkat persekolahan di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dari tahun 2010 ke tahun 2011 adalah seramai 70, 398 orang (1.5 peratus). Daripada jumlah tersebut, pada peringkat rendah ialah seramai 4,991 orang, transisi rendah ke menengah seramai 16,863 orang, dan di peringkat menengah seramai 48,544 orang. Untuk makluman, tidak semua murid tersebut terus tercicir daripada mengikuti persekolahan, kerana sebahagian besar murid ini sebenarnya meneruskan pelajaran di sekolah- sekolah bukan di bawah kelolaan KPM seperti sekolah swasta, sekolah agama rakyat, Sekolah Menengah Persendirian Cina, sekolah antarabangsa dan belajar di sekolah- sekolah yang tidak berdaftar seperti madrasah dan sebagainya. Sebilangan kecil pula mengikuti home schooling atau mengikuti keluarga berhijrah ke luar negara. Namun demikian, terdapat juga murid-murid yang terus meninggalkan dunia pendidikan kerana tidak berminat terhadap pelajaran, masalah kesihatan dan juga memasuki alam pekerjaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga statistik pendidikan tahun 2010 menunjukkan seramai 20,300 murid tahun 1 belum menguasai kemahiran Literasi dan Numerasi (LINUS) sepenuhnya berdasarkan konstruk 1 dan 2 daripada 12 konstruk pada instrumen LINUS. Pada April 2011 Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah menjalankan pengesanan murid berkeperluan khas dalam kalangan murid yang gagal menguasai Konstruk 1 dan 2 pada instrumen LINUS. Hasil pengesanan mendapati 3,921 orang murid yang mempunyai ciri-ciri murid berkeperluan khas. Walau bagaimanapun data pada akhir 2011 menunjukkan LINUS tegar ialah 1,646 bagi Literasi dan 977 bagi Numerasi pada akhir Tahun 2 (murid kohort 1- 2010). Pada masa ini pencapaian Literasi ialah 97.52 manakala Numerasi ialah 98.2.

**PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

**DARI PADA : Y.B. DATO¹ KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS
(TELOK KEMANG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 22.03.2012

Y.B. DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS [TELOK KEMANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :

- a) pelancaran Ninebio Sdn. Bhd. (9Bio) pada tahun 2003 dengan peruntukan awal sebanyak RM350 juta yang telah meningkatkan kepada RM1.9 bilion; dan
- b) apakah yang telah berlaku ke atas perkembangan projek tersebut berbanding sasaran.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Ninebio Sdn Bhd (NSB) ditubuhkan pada 10 Ogos 2006 dan objektif penubuhannya adalah untuk melaksanakan *research and development* bagi menghasilkan produk asli, biologikal dan vaksin halal bagi mengurangkan kebergantungan negara terhadap vaksin import. Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, Unit Perancang Ekonomi telah meluluskan peruntukan sebanyak RM410.9 juta bagi tujuan tersebut. Walau bagaimana pun, sejak penubuhannya, Kementerian Kewangan hanya menyalurkan RM50 juta kepada NSB sebagai suntikan ekuiti pada tahun 2007 (RM25 juta) dan 2008 (RM25 juta). Sehubungan itu, kenyataan Ahli Yang Berhormat mengenai peruntukan awal sebanyak RM350 juta yang diberikan

SOALAN15

kepada NSB adalah taaak benar.

Sehingga kini, NSB tidak mempunyai *off taker* yang serius terhadap penghasilan vaksin ini. Sehubungan itu, ia menjadikan hala tuju NSB tidak jelas dan Mesyuarat Majlis Ekonomi pada 5 Julai 2010 telah memutuskan agar Kementerian Kewangan mengkaji sama ada untuk meneruskan atau menutup NSB atau menggabungkannya dengan Inno Bio Ventures Sdn Bhd. Setelah kajian dibuat, pada 15 September 2010, Kementerian Kewangan telah bersetuju NSB dibubarkan dan kesemua baki Dana Pemegang Saham dikembalikan kepada Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) setelah semua liabiliti dijelaskan dan aset dilupuskan. Proses pembubaran NSB sedang dilaksanakan oleh *liquidator* yang telah dilantik dan dijangka akan dapat diselesaikan sebelum akhir tahun 2012.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATO' PADUKA ABU BAKAR BIN TAIB
[LANGKAWI]

TARIKH : 22 MAC 2012

SOALAN : Meminta MENTERI PELANCONGAN
menyatakan:

- a) Di dalam program Cuti-Cuti Malaysia, berapa ramaikah bilangan pelancong yang berkunjung ke Langkawi utamanya pada bulan November hingga Disember 2011 dan cuti sempena perayaan Tahun Baru Cina 2012; dan
- b) Memandangkan keadaan begitu sesak di semua jeti iaitu Jeti Kuah, Langkawi, Kuala Kedah dan Kuala Perlis, tidakkah ini akan membantutkan usaha Kerajaan di dalam program Cuti-Cuti Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Untuk makluman Yang Berhormat Langkawi, Pulau Langkawi sememangnya dikenali sebagai pulau peranginan yang menjadi tumpuan pelancong pada setiap masa. Pada bulan November dan Disember 2011, statistik oleh LADA menunjukkan seramai **263,280 orang pelancong** pada bulan November datang melawat Pulau Langkawi manakala **388,496 orang pelancong** pada bulan Disember 2011. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak **27.9%** pada bulan November 2011 dan **17%** pada bulan Disember 2011 berbanding pada bulan yang sama tahun 2010.

Walaupun bagaimanapun, bagi statistik pelancong cuti sempena perayaan Tahun Baru Cina 2012, pihak LADA masih lagi belum memuktamadkan statistik pelancong yang melancong ke Pulau Langkawi bersempena Tahun Baru Cina.

- b) Untuk makluman Yang Berhormat Langkawi, Kementerian Pelancongan telah memperuntukkan sebanyak **RM5 juta** di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe10) bagi

tujuan peningkatan kemudahan di Jeti Kuala Perlis. Kerja-kerja menaiktaraf sedang giat dilaksanakan dan projek dijangka dapat disiapkan pada Oktober 2012. Antara kerja-kerja menaiktaraf yang dilakukan adalah seperti menambah bilangan tempat duduk dan penambahbaikan tandas awam untuk kegunaan dan keselesaan orang ramai.

Kementerian ini juga telah memperuntukan RM1 juta di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe9) bagi tujuan menaiktaraf dan penyelenggaraan Jeti Kuah, Langkawi dan Jeti Kuala Kedah. Di Jeti Kuah, pengubahsuaian dilakukan ke atas sistem penghawa dingin dan penambahbaikan tandas untuk keselesaan pengunjung jeti tersebut. Di Jeti Kuala Kedah pula, antara kerja penambahbaikan adalah seperti membaik pulih surau dan tandas bagi orang ramai bagi keselesaan para pelancong.

SOALAN NO: 16

PEMBERITAHU PERTANYAAN

LISAN

**YB. TUAN GOBALAKRISHNAN
A/L NAGAPAN [PADANG SERAI]**

KHAMIS, 22 MAC 2012

06 [PR-1251-L48927]

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN DARIPADA

TARIKH RUJUKAN SOALAN

**Tuan Gobalakrishnan a/l Nagapan [Padang Serai] minta MENTERI
WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR
menyatakan kenapa tingkat satu gerai-gerai makan di sebelah Restoran**

SOALAN NO: 17

Korthumalai milik DBKL dikunci oleh pemilik restoran serta orang awam dan pemilik gerai tidak dibenarkan untuk menggunakan tempat itu oleh Restoran Korthumalai.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Padang Serai, ruang tingkat 1 bersebelahan Restoran Korthumalai tersebut merupakan menara tinjau pemandangan air pancut dan sekitar Little India. Hasil siasatan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), mendapati bahawa pemilik restoran telah memecahkan dinding bangunannya dan membina pintu masuk ke ruang tersebut tanpa kebenaran.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur juga tidak pernah memberi hak kepada Restoran Korthumalai untuk mengunci laluan masuk ke tingkat berkenaan. Oleh itu, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah mengeluarkan notis untuk menghentikan sebarang aktiviti dan pemilik restoran dilarang daripada terus menggunakan ruang berkenaan.

DEWAN RAKYAT MALAYSIA PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN LISAN

DARI PADA : TUAN ER TECK HWA [BAKRI]

TARIKH : 22 MAC 2012

SOALAN:

Tuan Er Teck Hwa [Bakri] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah perkembangan mengenai kerja-kerja memperbaiki tebing tembok Tanjung Emas. Adakah peruntukan berjumlah RM500.000.00 telah diluluskan untuk projek tersebut pada 2009:

- (a) sekiranya ya, mengapa sehingga kini tidak dilaksanakan; dan
- (b) jika tidak, sejauh mana kerjasama Kerajaan Persekutuan dengan negeri terhadap masalah tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Johor memang sedar akan masalah hakisan tembok tebing Sungai Muar di Tanjong Emas. Namun, dari tahun 2009 sehingga kini, tiada peruntukan disediakan oleh Kerajaan Persekutuan bagi membaiki tembok tebing ini. Begitu juga, tiada peruntukan dalam *Rolling Plan* Kedua (RP 2) Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) sungguhpun pihak Kementerian telah membuat permohonan untuk menangani masalah tersebut. Walau bagaimanapun, pihak Kementerian telah membuat permohonan semula bagi mendapatkan peruntukan sewajarnya dalam *Rolling Plan* Ketiga (RP 3) Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10).

- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan sentiasa bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Johor dalam menyelesaikan masalah hakisan di tembok tebing Sungai Muar di Tanjong Manis. Pihak Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri Johor akan terus memantau keadaan ini dan akan melaksanakan kerja-kerja untuk menangani masalah hakisan tersebut tertakluk kepada peruntukan yang diluluskan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN
DARIPADA Y.B. TUAN GOBIND SINGH DEO
 (PUCHONG)

TARIKH 22.03.2012

SOALAN:

Y.B. TUAN GOBIND SINGH DEO [PUCHONG] minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah bilangan sekolah jenis Tamil di Puchong dan tindakan Kerajaan Persekutuan untuk mengatasi masalah kekurangan sekolah jenis Tamil di kawasan Parlimen Puchong.

JAWAPAN

Tuan Yang di -Pertua,

Buat masa ini, terdapat empat (4) buah SJKT di Parlimen Puchong dengan jumlah murid 3,025 orang dan purata 35 murid setiap kelas (87 kelas). Berikut ialah sekolah tersebut:

1. SJK(T) Castlefield
2. SJK(T) Ldg Kinrara
3. SJK(T) FES Serdang
4. SJK(T) Puchong

ihak Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) tidak keberatan untuk mempertimbangkan permohonan perpindahan SJKT kurang murid (SKM) di negeri Selangor ke kawasan ini. Walau bagaimanapun, bilangan sekolah yang sedia ada sudah mencukupi bagi menampung keperluan masyarakat di daerah Puchong.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
PERTANYAAN

DARIPADA Y.B. TUAN TENG BOON SOON
(TEBRAU)
LISAN
TARIKH 22.03.2012

SOALAN:

Y.B. TUAN TENG BOON SOON [TEBRAU] minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan guru yang masih kurang di SJKC dalam bulan Januari 2012, apabila sekolah dibuka semula untuk penggal pertama tahun 2012, mengikut negeri. Apakah sebabnya masalah kekurangan guru di SJKC sudah begitu lama tidak selesai. Apakah langkah-langkah yang serius diambil untuk memastikan masalah ini tidak timbul lagi bagi tahun-tahun yang akan datang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Mesyuarat Kabinet pada 22 Februari yang lalu telah bersetuju untuk menubuhkan satu Jawatankuasa Khas bagi menangani isu kekurangan guru di SJKC. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh YB Dato Dr Wee Ka Siong Timbalan Menteri Pelajaran dan dianggotai oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran dan Ketua Pengarah Pelajaran serta pegawai-pegawai kanan Kementerian Pelajaran.

Semenjak Jawatankuasa khas ini ditubuhkan, Dato Dr Wee telah mempengerusikan 3 mesyuarat dan 2 perbincangan meja bulat bersama 'stakeholder' dan pihak-pihak yang berkepentingan. Setelah Jawatankuasa meneliti segala permintaan dan input yang diberikan, beberapa rumusan serta pelan tindakan jangka pendek dan jangka panjang telah di putuskan akan dilaksanakan dengan kadar segera.

Di samping itu, YAB Menteri Pelajaran juga telah memutuskan supaya Jawatankuasa ini untuk terus memantau pelaksanaan semua perakuan-perakuan yang telah di putuskan.

Rjm 35

SOALAN 20

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. DATO' HAJI WAN ABD RAHIM BIN WAN ABDULLAH [KOTA BHARU]
TARIKH	22 MAC 2012
SOALAN	Meminta MENTERI PELANCONGAN menyatakan

Usaha-usaha terkini yang dijalankan untuk menarik kunjungan pelancong dari negara jiran Thailand.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Kota Bharu, usaha-usaha terkini pada 2012 yang dilakukan oleh Kementerian Pelancongan bagi menarik lebih ramai pelancong Thailand ke Malaysia merangkumi langkah-langkah berikut:-

- i) Menjalankan kempen pengiklanan pelancongan melalui media cetak, elektronik dan media sosial;
- ii) Menyertai 11 pameran dan ekspo pelancongan di pasaran Thailand bagi mempromosikan Malaysia secara lebih agresif;
- iii) Menganjurkan tiga misi jualan dan galakan pelancongan di Chengmai, Pattaya dan Phuket bertujuan meningkatkan hubungan di antara agen-agen pelancongan Malaysia dan Thailand terutama dalam memperkenalkan pakej-pakej pelancongan Malaysia yang baru terutamanya pakej-pakej pelancongan mewah;
- iv) Menganjurkan lima siri seminar dan bengkel kepada agen-agen pelancongan Thailand bertujuan bagi mengukuh dan menambah rangkaian agen-agen Thailand dalam

mempromosi dan menjual pakej-pakej pelancongan Malaysia ;

- v) Meneruskan program 'mega familiarisation' dengan mengundang pihak media dan agen-agen pelancongan Thailand untuk meluaskan penyebaran pelancongan negara ke seluruh Thailand ; dan
- vi) Berusaha menarik minat syarikat-syarikat penerbangan Thailand dan asing yang beroperasi di Thailand untuk menambah serta mengadakan perkhidmatan terus ke Malaysia bagi meningkatkan kedatangan pelancong Thailand serta dapat menarik minat pelancong asing di Thailand untuk melancong ke Malaysia.

NO SOALAN: 21
DATUK MD. SIRAT BIN ABU [BUKIT KATIL]

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT
22 MAC 2012

PERTANYAAN
DARIPADA 4476

JAWAB
LISAN

TARIKH SOALAN:

RUJUKAN

Datuk Md. Sirat bin Abu [Bukit Katil] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kemajuan program pemutihan 6P yang telah dijalankan. Sejauh manakah program ini berjaya menyelesaikan isu lambakan PATI di negara ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Bukit Katil yang mengemukakan pertanyaan.

Pada masa kini, Kerajaan sedang melaksanakan Proses Pemutihan yang mana ianya bertujuan untuk membolehkan PATI yang telah berdaftar untuk bekerja dalam sektor-sektor ekonomi yang dibenarkan. Sehingga 8 Mac 2012, seramai 305,413 PATI telah terlibat dalam Proses Pemutihan dan mereka diklasifikasikan sebagai PATI yang telah berada secara sah di dalam negara. Bagi majikan pula, sehingga 8 Mac 2012, sebanyak 36,590 majikan telah terlibat

◆
dalam Proses Pemutihan ini.

Selaras dengan Program 6P ini juga Kerajaan telah menangguhkan pengambilan pekerja asing dari luar. Walaubagaimanapun, pihak Kerajaan memberi peluang kepada majikan dan industri untuk mendapatkan pekerja asing melalui Proses Pendaftaran dan Pemutihan yang sedang dilaksanakan.

Bagi tujuan ini, pihak Kerajaan telah melonggarkan beberapa syarat dan peraturan di bawah Program 6P yang melibatkan perkara-perkara berikut:

- i) Membuka semula subsektor-subsektor di bawah sektor perkhidmatan yang dibekukan;

- ii) Membenarkan sektor di luar dasar sedia ada mendapatkan pekerja asing melalui proses Pemutihan yang dijalankan; dan
- iii) Melonggarkan syarat-syarat dan peraturan yang ditetapkan oleh Agensi Kawal Selia untuk kelulusan pengambilan pekerja asing melalui proses Pemutihan yang dijalankan.

Langkah-langkah yang diambil ini adalah bagi memastikan majikan tidak menghadapi masalah kekurangan tenaga pekerja asing dan seterusnya menjamin kelancaran operasi di sektor masing-masing.

Tuan Yang Di-Pertua,

Kerajaan tidak mengabaikan sektor keselamatan, politik dan sosial yang mana pertimbangan Program 6P ini juga turut mengambilkira isu lambakan dan masalah yang ditimbulkan oleh PATI di dalam negara. Justeru itu, Kerajaan telah mengambil inisiatif untuk mendaftarkan PATI di negara ini melalui proses Pendaftaran biometrik bagi mengenalpasti jumlah PATI yang berada di negara ini. Proses Pendaftaran dan Pemutihan di bawah Program 6P ini juga memudahkan pihak Kerajaan dalam mengenalpasti bilangan PATI yang berada di dalam Negara dan seterusnya memudahkan tindakan pemantauan oleh agensi penguatkuasaan. Selain itu, Program 6P ini juga akan disusuli dengan tindakan penguatkuasaan dan pengusiran terhadap PATI-PATI yang gagal mendaftar dan diputihkan. Melalui tindakan penguatkuasaan ini, Kerajaan yakin bahawa masalah kebanjiran PATI akan dapat ditangani seperti yang telah dirancang.

Untuk makluman Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, Program 6P ini juga memberi peluang kepada PATI yang berada di dalam negara untuk pulang ke negara asal masing-masing secara sukarela bagi mengelakkan tindakan undang-undang diambil ke atas mereka.

NO. SOALAN: 22

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN :

LISAN

DARIPADA : TUAN NGA KOR MING [TAIPING]

TARIKH : 22 MAC 2012

SOALAN

Tuan Nga Kor Ming [Taiping] minta PERDANA MENTERI menyatakan secara terperinci perkembangan terbaru rancangan Kerajaan untuk mengesyorkan pembinaan dua buah loji tenaga nuklear di negara ini serta jumlah bajet yang terlibat.

JAWAPAN

Pada masa ini, Kerajaan belum membuat sebarang keputusan mengenai pelaksanaan projek pembinaan loji janakuasa nuklear dan sedang melaksanakan satu siri kajian terperinci untuk mengenalpasti pelbagai keperluan dan persediaan awal negara, sekiranya projek loji janakuasa nuklear dilaksanakan. Tujuannya adalah untuk memastikan bahawa, sekiranya loji janakuasa nuklear diperlukan bagi memenuhi permintaan tenaga negara pada masa hadapan, semua aspek persediaan telah

diambil kira secara terperinci dan komprehensif lebih awal.

Status siri kajian mengenai penjanaan kuasa nuklear tersebut adalah:

1. Kajian menyeluruh tentang kesediaan perundangan dan kawalselian nuklear negara sedang dilaksanakan oleh Malaysia Nuclear Power Corporation (MNPC).
2. Kajian Kemungkinan (*Feasibility Study*), termasuk penyediaan Pelan Pembangunan Infrastruktur Kuasa Nuklear (*Nuclear Power Infrastructure Development Plan* (NPIDP)) dan kajian pemilihan tapak loji janakuasa nuklear oleh MNPC sedang dimulakan.
3. Program penyebaran maklumat mengenai penjanaan kuasa nuklear untuk kesemua pihak berkepentingan (*stakeholders*), termasuk tinjauan pendapat umum yang komprehensif mengenainya, belum dimulakan.
4. Usaha untuk mengenalpasti atau menubuhkan satu entiti tujuan khas (*Special Purpose Vehicle* (SPV)) bagi memiliki dan mengendalikan loji janakuasa nuklear sedang diteliti secara amnya.

Jumlah bajet yang telah diluluskan untuk siri kajian ini bagi tempoh *Rolling Plan* Kedua Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK10) adalah RM 100 juta, tidak termasuk untuk kos operasi MNPC sebanyak RM 22.5 juta.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

DARI PADA
TARIKH

PE
RTA
NY
AA
N

LISA
N

DATUK MOHD NASIR BIN IBRAHIM FIKRI

22 MAC 2012

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perancangan Kerajaan berhubung dengan program perumahan untuk generasi kedua di Tanah-tanah rancangan FELDA di Terengganu.

JAWAPAN

**DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN
TIMBALAN MENTERI DI JPM**

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

FELDA mempunyai perancangan membina projek perumahan warga FELDA di setiap negeri di mana terdapatnya pembangunan rancangan FELDA. Projek perumahan ini berdasarkan konsep mampu milik untuk faedah generasi baru yang tinggal di tanah rancangan.

Pada masa ini, projek perumahan dilaksanakan di FELDA Neram daerah

Kemaman, Terengganu. Projek ini dijangka bermula pada 1 April 2012

NO SOALAN : 23

melibatkan 105 unit terdiri daripada 79 unit rumah kos rendah dan 26 unit rumah kos sederhana rendah. Projek ini melibatkan kos lebih kurang RM 12.075 juta dan dijangka siap pada 31 Disember 2013. Apabila siap kelak, unit rumah yang dibina ini akan diserahkan kepada generasi baru melalui pemilihan yang diputuskan oleh Jawatankuasa Pemilihan di peringkat FELDA dan Kerajaan Negeri.

Adalah diharap, projek perumahan ini akan membantu usaha-usaha Kerajaan membina lebih banyak rumah kos rendah di luar bandar di samping usaha Kerajaan menggalakkan generasi baru tinggal di tanah rancangan.

oooooooooooooooooooo

NO.

SOALAN:24 PEMBER1TAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MANICKAVASAGAM A/L SUNDARAM
[KAPAR]**

TARIKH : 22 MAC 2011

SOALAN

Tuan Manickavasagam a/l Sundaram [Kapar] minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah pegangan ekuiti Syarikat Berkaitan Kerajaan seperti iKhazanah Nasional, Kumpulan Wang Simpanan

Pekerja, Permodalan Nasional Berhad, Lembaga Tabung Haji, Valuecap Sdn. Bhd., Amanah Raya dan sebagainya diambil sebagai pegangan ekuiti Bumiputera. Sekiranya , nyataka nperatusanter kini atau sekiranya tidak, nyatakan bagaimana peratusan ini diambilkira..

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Daripada senarai Syarikat Berkaitan Kerajaan yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat Kapar, hanya Permodalan Nasional Berhad dan Lembaga Tabung Haji diambilkira pegangannya sebagai ekuiti Bumiputera. Selebihnya seperti Khazanah, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, ValuecapSdn. Bhd. Dan Amanah Raya tidak diambilkira dalam pegangan ekuiti Bumiputera dan diasingkan sebagai “Kerajaan”. Peratusan terkini (tahun 2008) ekuiti adalah seperti berikut:

	<u>RM (juta)</u>	<u>Peratus (%)</u>
Bumiputera		
Individu	127.407.6	21.
Agensi Amanah	109.982.6	NO. SOALAN
Ititusi Bumiputera	6,614.1	: 25 18.9
<i>Kerajaan</i>	10,811.0	1.1
	133,124.1	1.9
	7	

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT PERTANYAAN LISAN

DARIPADA DATO* SAPAWI BIN HAJI AHMAD

[SIPITANG]

TARIKH 22 MAC 2012 (KHAMIS)

SOALAN

Datuk Sapawi bin Haji Ahmad [Sipitang] minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah pemohon bagi Projek Perumahan Rakyat 1 Malaysia (PRIMA), dan apakah bilangan projek yang dirancangkan dapat memenuhi keperluan/permintaan mereka.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, permohonan untuk Perumahan Rakyat 1 Malaysia, PR1MA masih belum dibuka kepada orang ramai secara rasminya.

Untuk Perumahan Mampu-Beli, Presint 11, Putrajaya yang dimajukan oleh pemaju swasta, sebanyak 560 unit rumah telah ditawarkan dengan harga diantara RM 120,000 hingga RM 150,000 berbanding dengan harga pasaran diantara RM175,000 hingga RM220.000. Ini telah berjaya dilaksanakan dengan adanya bantuan Kerajaan melalui kerjasama awam swasta di mana projek perumahan mampu beli ini dapat dijual dengan harga yang lebih rendah jika dibandingkan dengan harga pasaran.

Unit PR1MA Pejabat Perdana Menteri telah dipertanggungjawabkan untuk menguruskan proses pengagihan tersebut melalui sistem cabutan undi terbuka bagi memastikan proses pengagihan ini dapat dijalankan secara adil dan telus. Untuk makluman, jumlah permohonan sebanyak 7300 telah diterima dan juru audit bertauliah telah dilantik untuk mengawal selia

keseluruhan mekanisme pemprosesan bagi memastikan ianya telus dan sampai kepada golongan sasaran.

PR1MA akan menjalankan analisis permintaan rumah mampu milik di kawasan-kawasan tertentu di seluruh Negara bagi mengenalpasti permintaan, bilangan dan lokasi projek-projek perumahan PR1MA. Segala perancangan projek-projek PR1MA akan diumumkan setelah kajian tersebut selesai.

Sekian, terimakasih.

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA YB TUAN KARPAL SINGH [BUKIT GELUGOR]

TARIKH 22 MAC 2012 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan untuk memberitahu Dewan mengenai pendengaran kes-kes yang belum selesai di Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan setakat 31 hb Januari 2012.

SOALAN NO: 51

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

JAWAPAN

YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Setakat 31 Januari 2012, jumlah kes yang masih belum selesai di Mahkamah Tinggi adalah sebanyak 26,268 kes sementara di Mahkamah Rayuan adalah sebanyak 8,529 kes dan di Mahkamah Persekutuan pula sebanyak 743 kes.

Sekian, terima kasih.

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: YB TUAN TAN KOK WAI [CHERAS]

TARIKH : 22 MAC 2012

SOALAN

Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta PERDANA MENTERI menyatakan berapakah aduan yang diterima oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia berhubung amalan rasuah oleh Perdana Menteri, Menteri, Timbalan Menteri, Menteri Besar, Ketua Menteri dan anggota-anggota EXCO mereka sehingga kini dan setakat manakah tindakan yang telah diambil ke atas aduan-aduan tersebut dari segi siasatan, tindakan pendakwaan dan yang ditolak. Jika ditolak, apakah sebab-sebabnya.

JAWAPAN: **YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) adalah sebuah agensi penguatkuasaan pencegahan rasuah yang menjalankan siasatan berdasarkan peruntukan undang-undang yang telah ditetapkan serta menjalankan penyiasatan tanpa dipengaruhi atau menerima arahan mana-mana pihak. Setiap maklumat atau aduan yang diterima dan mempunyai asas berlakunya perlakuan rasuah akan

SOALAN NO: 51

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

DARI PADA PER
YAAN TAN

LISAN

YB. DATUK BILLY ABIT JOO
[HULU RAJANG]

TARIKH JAWAPAN : 22 MAC 2012 (KHAMIS)
DI DEWAN RAKYAT

SOALAN

NO. 27

SOALAN

Minta MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR

menyatakan apakah jumlah tenaga elektrik yang bakal dijana oleh Empangan Bakun dan adakah bakal pembeli untuk tenaga ini. Jika ada, siapakah bakal pembeli ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Berdasarkan Perjanjian Pembelian Tenaga (PPA) bagi Projek Hidro Elektrik Bakun yang telah ditandatangani di antara Sarawak Hidro Sdn. Bhd (SHSB) dan Sarawak Energy Berhad (SEB) pada 1 Jun 2011, turbin pertama berkapasiti 300MW telah mula beroperasi pada bulan Ogos 2011, diikuti dengan turbin kedua yang beroperasi pada Oktober 2011. Seterusnya turbin-turbin ketiga, keempat, kelima, keenam dan ketujuh akan beroperasi secara berperingkat-peringkat sehingga Jun 2013. Turbin kelapan dan terakhir dijangka akan beroperasi pada November 2013. Setiap turbin tersebut mempunyai kapasiti sebanyak 300MW. Menjelang akhir tahun 2013, Projek Hidro Elektrik Bakun dijangka akan beroperasi sepenuhnya dengan kapasiti sebanyak 2,400MW.

Mengikut SEB permintaan bekalan elektrik di Sarawak ketika ini adalah tinggi di mana 70% bekalan elektrik yang akan dijanakan melalui Projek Hidro Elektrik Bakun dan Projek Hidro Elektrik Murum telah mempunyai pembeli tetap di mana bekalan elektrik tersebut akan mula dinikmati oleh pembeli menjelang April 2012 iaitu sekitar 500MW hingga 600MW. Senarai bagi pembeli bekalan elektrik

daripada Projek Hidro Elektrik Bakun adalah seperti berikut:

- (i) AML yang akan menggunakan 270MW tenaga bagi projek *Manganese Smelter*.
- (ii) Press Metal yang akan menggunakan 480MW tenaga bagi projek *Aluminium Smelter*, dan
- (iii) OM Holdings yang akan menggunakan 500MW tenaga bagi projek *Mineral Ore and Alloy Smelter*.

Selain daripada tiga pelabur ini, SEB juga dalam peringkat akhir untuk memeterai PPA dengan Syarikat Tokuyama yang akan menggunakan 360MW tenaga bagi projek *Polysilicon* dan juga rundingan PPA dengan Press Metal untuk bagi 200MW tenaga.

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA : Y.B. TUAN LIEW CHIN TONG
(BUKIT BENDERA)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 22.03.2012

Y.B. TUAN LIEW CHIN TONG [BUKITBENDERA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan senarai pegangan saham dan ekuiti oleh Khazanah Nasional dan MOF Incorporated dalam negeri dan di luar negeri.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, setakat 29 Februari 2012, Khazanah Nasional Berhad (Khazanah) mempunyai pegangan saham secara langsung dalam 44 syarikat manakala Menteri Kewangan (Diperbadankan) (MKD) pula, mempunyai pegangan saham (sama ada saham biasa, Keutamaan dan Khas) dalam 102 syarikat.

2. Contoh lima (5) syarikat dalam negeri dan luar negeri di mana Khazanah dan MKD mempunyai pegangan saham atau ekuiti adalah seperti berikut:
Dalam Negeri

i. Khazanah

Syarikat	Pegangan Saham
Atlantic Quantum Sdn Bhd	100%
Malaysia Agrifood Corporation Sdn Bhd	100%
STLR Sdn Bhd	100%
Themed Attractions & Resorts Sdn Bhd	100%
UEM Group Bhd	100%

ii. MKD

Syarikat	Pegangan Saham
Amanah Raya Berhad	99.99%
Indah Water Konsortium Sdn Bhd	99.99%
Khazanah Nasional Berhad	99.99%
Syarikat Perumahan Negara Berhad	99.99%
Syarikat Prasarana Negara Berhad	99.99%

Luar Negeri

i. Khazanah

Syarikat	Pegangan Saham
<i>KC5 Green Energy International (Group) Investments Co. Ltd.</i>	80%
M-S Pte Ltd.	60%
Cameo South East Asia Ltd.	39.89%
Cameo International Ltd.	23.14%
Acibadem Group	15% dan pegangan secara tidak langsung sebanyak 60% melalui Integrated Healthcare Holdings Sdn Bhd.

ii. MKD

Syarikat	Pegangan Saham
International Rubber Consortium Ltd.	22.22%
Asean Potash Mining Public Co. Ltd. (Thailand)	12.19%

Senarai syarikat pegangan Khazanah dan MKD boleh diperolehi melalui laman sesawang masing-masing iaitu www.khazanah.com.my dan www.treasury.gov.my.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT PERTANYAAN JAWAB LISAN

**DARIPADA TUAN KAMALANATHAN A/L
 PANCHANATHAN [HULU SELANGOR]**

TARIKH 22 MAC 2012 (KHAMIS)

SOALAN

Tuan Kamalanathan a/l Panchanathan [Hulu Selangor] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mempromosikan Lembah Bujang di Negeri Kedah yang telah wujud sejak tahun 110 SM dan sama ada Kementerian bercadang untuk mengambil inisiatif untuk menyenaraikannya dalam Senarai Warisan Dunia.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian ini melalui Jabatan Warisan Negara (JWN) sentiasa berusaha memajukan atau mempromosikan mana-mana kawasan yang mempunyai nilai sejarah, kebudayaan dan warisannya seperti Tapak Arkeologi Lembah Bujang, Batu Bersurat Terengganu, Muzium

SOALAN NO: 30

Arkeologi Lenggong dan lain-lain. Usaha yang dijalankan ini adalah

SOALAN NO: 29

melalui pelbagai cara termasuk membuat penyelidikan, menganjurkan persidangan antarabangsa, menerbitkan buku dan brosur serta lain-lain.

Kementerian ini sedang dalam proses untuk mewujudkan Taman Warisan Sejarah Sungai Batu untuk memberikan informasi dan kefahaman serta menonjolkan kepentingan Lembah Bujang. Ia akan dilengkapi dengan sebuah galeri, auditorium dan pembangunan tapak arkeologi secara *in situ*.

Kementerian ini juga bercadang untuk menyenaraikan Lembah Bujang sebagai Tapak Warisan Dunia. Namun begitu, bagi tujuan tersebut, penyelidikan yang lebih mendalam serta menyeluruh perlu dijalankan bagi memastikan dokumen pencalonan yang akan dikemukakan kepada pihak UNESCO dapat memenuhi kriteria yang ditetapkan.

DEWAN RAKYAT MALAYSIA PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARI PAD A : HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH

[KUANTAN]

TARIKH : 22 MAC 2012

SOALAN

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan mengapakah satu kajian Detailed EIA (DEIA) tidak dilakukan ke atas Lynas Advanced Material Plant, sebelum TOL Temporary Operating License dikeluarkan memandangkan bahawa aktiviti seperti LAMP kini telah termasuk di dalam senarai yang memerlukan DEIA sejak Jun 2011.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, laporan EIA (Environmental Impact Assessment) bagi projek Lynas Advanced Materials Plant di Kawasan Perindustrian Gebeng, Kuantan telah diluluskan oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Pahang pada 15 Februari 2008 setelah ianya memenuhi kehendak Seksyen 34A(2), Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 (Akta 127).

Pada waktu permohonan kelulusan laporan EIA bagi kilang Lynas dikemukakan kepada Jabatan Alam Sekitar Negeri (JAS) Pahang pada Januari 2008, ianya tidak tersenarai sebagai aktiviti yang perlu melalui prosedur kajian EIA Terperinci pada waktu tersebut. Maka, laporan EIA yang dikemukakan kepada JAS Negeri Pahang untuk kelulusan adalah tidak melalui prosedur EIA Terperinci.

Memang benar bahawa pada 20 Jun 2011, Jabatan Alam Sekitar telah menambah tiga (3) Aktiviti EIA yang perlu melalui prosedur EIA Terperinci, termasuklah “Aktiviti Yang Ditetapkan yang menggunakan bahan radioaktif dan menghasilkan buangan radioaktif, tetapi ianya adalah bagi permohonan laporan EIA yang baru selepas tarikh kuatkuasanya ketetapan tersebut, iaitu selepas 20 Jun 2011.

Mengenai Laporan EIA Terperinci baru dikemukakan bagi projek yang mana laporan EIAnya telah diluluskan sebelum ini, ianya adalah tidak relevan. Ini adalah kerana EIA adalah merupakan alat perancangan di dalam sesuatu projek pembangunan yang mana

ianya adalah kajian untuk mengenalpasti, meramal, menilai dan memberi maklumat mengenai kesan-kesan kepada alam sekitar bagi sesuatu cadangan projek dan mengemukakan langkah-langkah tebatan sebelum projek diluluskan dan dilaksanakan. EIA dilaksanakan di peringkat perancangan projek. Oleh yang demikian, kajian EIA yang lain selain daripada yang telah diluluskan pada 15 Februari 2008 adalah tidak relevan memandangkan dalam kes Lynas ini, kilangnya kini berada di peringkat pembinaan dan telahpun selesai melalui peringkat perancangan.

Dari segi teknikal dan saintifik, tiada perbezaan di dalam skop kajian EIA yang melalui prosedur EIA Awal dengan prosedur EIA Terperinci memandangkan kesemua EIA perlu mengkaji isu kritikal sesuatu projek. Perbezaan yang ketara adalah dari segi laporan EIA Terperinci perlu melalui prosedur pameran awam, ulasan awam dan ulasan Pakar Pengulas Individu yang dilantik oleh Jabatan Alam Sekitar.

Skop kajian EIA yang telah diluluskan meliputi kajian impak terhadap isu-isu kritikal projek di bawah bidang kuasa Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 yang tidak menyentuh mengenai impak radioaktif. Kajian EIA tersebut merangkumi kajian impak bukan radioaktif bagi kualiti udara, air, tanah, air tanah, analisa risiko, bunyi bising, sosio-ekonomi, trafik, pengangkutan dan pengurusan buangan (sisa pepejal dan buangan terjadual - tidak termasuk sisa radioaktif).

Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, isu utama cadangan projek ini adalah hal radioaktif. Skop kajian EIA tidak meliputi hal radioaktif. Perkara ini adalah di bawah bidang kuasa

Lembaga Perlesenan Tenaga Atom, melalui Akta Perlesenan Tenaga Atom, 1984. Agensi tersebut dipertanggungjawabkan oleh Kerajaan untuk mengawal selia hal berkaitan radioaktif. Agensi tersebut mempunyai kepakaran dalam bidang radioaktif, dalam menetapkan standard tahap radioaktif yang dibenarkan dan juga mengeluarkan lesen penempatan, pembinaan dan pengilangan bahan berkaitan radioaktif. Di sinilah terdapatnya pembahagian kuasa dan tugas antara Kementerian.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, pemaju projek juga telah menjalankan *Radiological Impact Assessment* di bawah kehendak Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (LPTA). Agensi tersebut mempunyai standard yang mengikut piawai yang ditetapkan sebelum membuat apa-apa keputusan.

Oleh yang demikian, Kementerian saya tidak meminta Kajian EIA Terperinci dijalankan kerana skop radioaktif ini telah dikaji secara teliti oleh LPTA di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi.

Walau bagaimanapun, oleh sebab terdapat banyak pihak terutama di kalangan orang awam yang telah memberi perhatian terhadap laporan EIA tersebut, maka Laporan EIA tersebut telah dipamerkan bersama-sama Laporan *Radiological Impact Assessment* (RIA) untuk perhatian awam di beberapa tempat di seluruh Negara selama satu (1) bulan. Tempat-tempat pameran antara lain adalah di Perpustakaan Negara, Perpustakaan Negeri dan Daerah, Ibu Pejabat Polis Kontinjen Pahang, Pondok Polis Kawasan Perindustrian Gebeng, Majlis Perbandaran Kuantan Balai Penghulu dan semua pejabat Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Lembaga Perlesenan

Tenaga Atom (LPTA) Negeri mulai 30 Mei 2011 sehingga 30 Jun 2011. Usaha ini adalah selaras dengan prosedur Laporan EIA Terperinci. Laporan EIA ini boleh juga baca melalui *web site* Jabatan Alam Sekitar.

Setelah tempoh pameran tamat pada 30 Jun 2011, Jabatan Alam Sekitar telah menerima sejumlah 5,243 ulasan awam berhubung laporan EIA dan RIA termasuklah bantahan awam terhadap cadangan projek Lynas di Gebeng, Kuantan ini. Secara keseluruhannya, ulasan dan bantahan awam adalah berkaitan dengan kebimbangan orang awam terhadap pencemaran radiasi dari projek Lynas dan pengendalian buangan/sisa radioaktif.

Ulasan yang diterima diberi perhatian sewajarnya dan diambilkira dalam *Environmental Management Plan* (EMP). EMP adalah satu pelan pengurusan alam sekitar yang akan dikemaskini dari semasa ke semasa untuk memastikan langkah-langkah kawalan yang diambil adalah berkesan untuk mengawal pencemaran supaya kesihatan dan keselamatan awam sentiasa terpelihara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARI PAD A Datuk Seri Panglima Abdul Ghapur Bin
 Haji Salleh [Kalabakan]**

TARIKH 22 Mac 2012 (Khamis)

SOALAN

31

Datuk Seri Panglima Abdul Ghapur Bin Haji Salleh [Kalabakan] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah Kementerian mempunyai kuasa untuk membanteras kegiatan syarikat penerbangan menyelitkan caj-caj tersembunyi yang ditambah hingga ada yang melebihi harga yang diiklankan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Selepas Rasionalisasi Domestik yang dilaksanakan oleh Kerajaan pada tahun 2006, semua syarikat penerbangan negara adalah bebas untuk menentukan harga tiket penerbangan masing-masing dan ini termasuk caj-caj sampingan untuk perkhidmatan tambahan yang dikenakan oleh syarikat-syarikat penerbangan tersebut termasuk syarikat penerbangan tambang murah.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

SOALAN NO: 32

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**
DARIPADA **DR. MOHD HATTA BIN MD RAMLI**
 [KUALA KRAI]
TARIKH **22 MAC 2012 (KHAMIS)**

SOALAN

Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli [Kuala Krai] minta PERDANA MENTERI menyatakan bila Akta Keselamatan Dalam Negeri akan dimansuhkan.

JAWAPAN: **DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kerajaan bercadang untuk memansuhkan Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 dalam mesyuarat yang sedang berlangsung ini. Pemansuhan Akta tersebut akan dibuat melalui suatu rang undang-undang yang akan menggantikan Akta Keselamatan Dalam Negeri. Undang-undang baru tersebut adalah di peringkat akhir pengubalan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARI PADA

**DATUK HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD. MUTTALIB
[MARAN]**

TARIKH

22 MAC 2012 (KHAMIS)

SOALAN N0.33

Dato' Haji Ismail Bin Haji Abd. Muttalib [Maran - BN] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah program-program yang dirangka oleh pihak Kementerian bagi mendekati belia di luar bandar yang bergiat aktif dalam kelab-kelab tertentu seperti kelab basikal, kelab permotoran, dan pelbagai lagi. Ada di antara kelab ini tidak berdaftar, jadi apakah faedah atau bantuan yang disalurkan oleh pihak Kementerian kepada kelab-kelab tersebut.

JAWAPAN

1. Bagi mendekati belia yang bergiat aktif dalam kelab-kelab tertentu di kawasan luar bandar, Kementerian menyediakan faedah-faedah seperti khidmat nasihat pelaksanaan program dan aktiviti, latihan dan

kursus dan juga pertandingan-pertandingan yang boleh disertai oleh kelab-kelab tersebut.

2. Seterusnya bagi kelab-kelab pemotoran yang berdaftar dengan Pejabat Pesuruhjaya Sukan, pihak Kementerian akan mempertimbangkan untuk memberi bantuan melaksanakan program, termasuk bantuan kewangan apabila menerima permohonan dan bergantung kepada kewangan semasa Kementerian. Manakala bagi kelab-kelab yang tidak berdaftar, Kementerian tidak meminggirkan bahkan Kementerian sentiasa bersedia membantu dari segi sokongan khidmat nasihat dan berkongsi kepakaran dalam pengurusan sesuatu acara. Mereka juga boleh menyertai dalam program-program yang dianjurkan oleh pihak Kementerian.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARI PAD A

DATO' DR. MOHAMAD SHAHRUM BIN OSMAN 22

TARIKH

MAC 2012 (KHAMIS)

SOALAN

Dato' Dr. Mohamad ^{NO. 34} Shahrum bin Osman [Lipis] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan pelaksanaan transformasi yang menyaksikan dua keadaan yang bakal mengubah persekitaran kampus apabila berlaku pindaan Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) 1971 dan pemberian autonomi kepada universiti kelak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (AUKU 1971) [Akta 30] digubal bertujuan untuk menyediakan peruntukan bagi menubuh, menyelenggara, dan mentadbir Universiti dan Kolej Universiti. Selaras dengan persetujuan Kerajaan untuk membuat pindaan terhadap AUKU bagi membenarkan pelajar terlibat dalam kegiatan parti politik di luar kampus, Kementerian Pengajian Tinggi telah menubuhkan Jawatankuasa Pindaan Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) 1971. Draf Rang Undang-Undang AUKU (Pindaan) 2012 sedang digubal dan dijangka akan dapat dibentangkan di Parlimen dalam masa terdekat. Pindaan ini dilakukan dengan harapan

pelajar dapat menimba sebanyak mungkin ilmu pengetahuan, baik dari sudut akademik mahu pun pembangunan sahsiah diri. Oleh itu, persekitaran kampus akan dikekalkan sebagai tempat yang kondusif untuk semua pelajar.

Manakala, autonomi bertujuan untuk memperkasakan IPTA selaras dengan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN). Agenda autonomi merupakan komitmen kerajaan untuk memastikan IPTA berkembang pesat selari dengan perkembangan universiti-universiti terbaik dunia. Pemberian autonomi akan menjadikan IPTA lebih dinamik, kompetitif dan berdaya saing. Bidang autonomi yang diberi kepada IPTA seperti governan institusi, penjanaaan pendapatan, sumber manusia dan akademik lebih bersifat pengurusan dalaman dan tidak memberikan kesan langsung kepada fizikal atau persekitaran kampus.

DEWAN RAKYAT MALAYSIA PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARI PAD A : TUAN MUHAMMAD BIN HUSAIN

[PASIR PUTEH]

TARIKH : 22 MAC 2012

SOALAN

SOALAN NO. : 36

Tuan Muhammad bin Husain [Pasir Putih] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan kerugian yang dialami akibat hakisan pantai sepanjang 2011 dan apakah langkah- langkah pencegahan dalam menghadapi masalah fenomena ini pada masa depan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerugian yang dialami akibat hakisan pantai di seluruh negara sepanjang tahun 2011 adalah dianggarkan berjumlah RM 2.505 juta termasuk RM 700,000 di Negeri Kelantan. Sehubungan dengan itu, Kementerian sedang memohon peruntukan untuk membina struktur perlindungan hakisan bagi melindungi kawasan yang terhakis.

Antara langkah-langkah pencegahan dalam menghadapi masalah ini ialah:

- i. menjalankan kajian impak hidraulik secara permodelan numerikal dan fizikal secara serentak semasa pembangunan fizikal atau struktur, terutamanya yang menonjol ke dalam laut yang dibina di sepanjang pantai. Ini bertujuan untuk memahami sifat hidrodinamik bagi mengurangkan kadar hakisan/penokokan pada masa hadapan; dan
- ii. akibat daripada fenomena pemanasan global, aras laut akan meningkat serta kekerapan ombak besar dan kelajuan arus di pesisiran pantai juga akan turut meningkat. Oleh itu, kekuatan kaki struktur kawalan pantai serta ketinggian struktur kawalan pantai sedia ada akan dipertingkatkan. Pembaikan struktur sedia ada akan dapat mengurangkan kegagalan fungsinya selaku pemecah ombak.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN:

36 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI

[GOMBAK]

TARIKH 22 Mac 2012

SOALAN

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah kriteria pemilihan rakan kongsi tempatan dalam penganugerahan *Risk Service Contract* bagi Balai Cluster Marginal Field oleh PETRONAS selain daripada teknologi dan keupayaan yang dimiliki oleh ROC Oil. Berapakah jumlah milikan saham Petronas Carigali dalam konsortium ini.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemberian kontrak pembangunan untuk mengendalikan medan kecil minyak dan gas (*marginal field*) ini dilaksanakan dengan proses pembidaan daripada syarikat-syarikat luar negara yang mempunyai kemahiran khusus (*niche player*) dalam kerja-kerja pembangunan dan pengeluaran.

Pembangunan medan kecil minyak dan gas ini akan membantu menghasilkan pulangan dan menampung permintaan dalam negara, menarik pelaburan dari kontraktor-kontraktor luar negara serta menggalakkan penyertaan syarikat-syarikat tempatan yang layak untuk bergiat secara langsung dalam kerja-kerja pembangunan dan

pengeluaran petroleum.

Pemilihan syarikat-syarikat tempatan adalah berdasarkan kepada beberapa kriteria utama yang digariskan seperti rekod prestasi yang baik, kedudukan kewangan yang kukuh, kepakaran teknikal dan kemahiran profesional untuk memastikan syarikat-syarikat berkenaan mempunyai kemahiran khusus dalam bidang yang diperlukan, mampu untuk melaksanakan kerja yang ditetapkan mengikut jangka waktu yang ditetapkan dengan kos yang optimum.

Seperti yang dinyatakan di dalam Kenyataan Media PETRONAS serta laporan-laporan akhbar, Kontrak Khidmat Risiko (*Risk Service Contract - RSC*) *Balai Cluster Field* telah dianugerahkan kepada Roc Oil Malaysia (Holdings) Sdn Bhd, anak syarikat milik penuh kepada syarikat antarabangsa Roc Oil Company Limited (ROC) dari Australia, serta Dialog D&P Sdn Bhd, anak syarikat milik penuh Dialog Group Bhd dan Petronas Carigali bagi aktiviti pembangunan dan pengeluaran minyak dan gas di *Balai Cluster Field* yang terletak di luar pantai Sarawak.

Di bawah terma dan syarat yang ditetapkan, ROC akan menjadi pengendali utama medan tersebut dengan pegangan 48 peratus kepentingan ekuiti manakala DIALOG Group 32 peratus dan Petronas Carigali 20 peratus.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARI PAD A DR. LEE BOON CHYE [GOPENG]

TARIKH 22 MAC 2012 (KHAMIS)

SOALAN

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan perbelanjaan keseluruhan mengikut kategori untuk promosi Gagasan 1 Malaysia sehingga kini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan tidak memperuntukkan secara khusus promosi Gagasan 1 Malaysia. Perbelanjaan pelbagai kempen termasuk seperti Komuniti 1 Malaysia, Amalan Nilai-Nilai Murni, Kempen Membaca serta acara-acara senibudaya dan warisan yang lain. Kesemua ini Kerajaan membelanjakan sekitar RM10juta pada tahun lalu.

Kementerian ini telah menggunakan setiap kepakaran, kemahiran dan sumber manusia yang sedia ada dalam merancang dan melaksanakan

SOALAN NO: 37

kempen serta promosi Gagasan 1 Malaysia tanpa melantik mana-mana juruperunding (*consultant*).

Sebagai tambahan terkini tahap Kefahaman dan Penerimaan Masyarakat Terhadap Gagasan 1 Malaysia yang telah dilaksanakan oleh Kementerian ini yang melibatkan 31,066 responden pada bulan Jun hingga Oktober 2011, didapati tahap kefahaman dan penerimaan masyarakat terhadap Gagasan 1 Malaysia adalah sebanyak 86.3% melebihi daripada sasaran yang telah ditetapkan untuk KPKK iaitu 85%.

NO. SOALAN: 38

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN :

LISAN

DARIPADA : TUAN LIM KIT SIANG [IPOH TIMUR]

TARIKH : 22 MAC 2011

SOALAN

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur] minta PERDANA MENTERI menyatakan mengapakah tidak ada satu pun Entry Point Program (EPP) bagi NKEA Perkhidmatan Kewangan sungguhpun ianya merupakan ketiga terbesar dalam segi sumbangan Pendapatan Negara Kasar (GNI) dan sama ada PEMANDU atau Bank Negara yang bertanggungjawab terhadap NKEA Perkhidmatan Kewangan ini.

JAWAPAN

NKEA Perkhidmatan Kewangan secara semula jadi adalah lebih kepada proses dan bukan berpandukan kepada projek. Kebanyakan daripada usaha bagi NKEA Perkhidmatan Kewangan adalah untuk memastikan

bahawa rangka kerja, peraturan-peraturan dan undang-undang yang berada kini mampu menampung pemain dalam negeri daripada kesan liberalisasi sektor perkhidmatan kewangan. NKEA ini mempunyai pelbagai pihak berkepentingan, contohnya Bank Negara, Securities Commission, Bursa Malaysia dan pelbagai agensi penarafan.

Wakil-wakil kanan daripada semua pihak berkepentingan dalam peraturan sektor kewangan hadir dalam makmal NKEA, di samping kehadiran peserta daripada sektor swasta. Ini dilakukan untuk memastikan penjajaran dalam rancangan masa depan bagi sektor kewangan dan ini dapat dilihat dalam Pelan Induk Sektor Kewangan Bank Negara baru-baru ini.

Kemajuan bagi NKEA Perkhidmatan Kewangan harus diukur melalui hasil dalam sektor kewangan. Sebagai contoh, meningkatkan kecairan Bursa Malaysia, meningkatkan bilangan terminal '*point-of-sale*' (POS) dan meningkatkan nilai danganan pasaran bon.

Ia telah dimaklumkan oleh pihak PEMANDU bahawa *Progress Update* tidak mewakili seluruh alam semesta ETP. Jika dipandang secara holistik, terdapat kemajuan yang ketara dalam NKEA Perkhidmatan Kewangan sepanjang tahun 2011.

Sebagai contoh, pelepasan saham GLIC yang merupakan sebahagian daripada inisiatif untuk meningkatkan lagi kecairan pasaran telah berlaku tahun lepas. Pelepasan saham oleh Khazanah sahaja pada tahun lepas berjumlah RM 7.7 billion.

Sementara itu, Malaysia telah dinaik taraf dalam siri '*FTSE Global Equity*

Index' daripada pasaran sekunder pasaran negara yang muncul kepada pasaran Negara muncul yang maju pada bulan Jun 2011. Pemberat Malaysia dalam '*MSCI Emerging Markets Index*' telah meningkat kepada 3.5 peratus pada akhir tahun 2011 selepas berada di bawah 3 peratus untuk dua tahun yang lalu. Di samping itu, pemberat Malaysia dalam '*MSCI AC Asia ex Japan*' telah meningkat kepada 4.8 peratus pada akhir tahun 2011 berbanding dengan 4.1 peratus pada tahun 2010.

Berikutan pengumuman Kerajaan dalam Bajet 2011, rangka kerja skim persaraan swasta (PRS) telah dilancarkan pada Oktober 2011 dengan enakmen Pindaan Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2011. Selaras dengan usaha untuk meningkatkan kecukupan simpanan bagi keperluan persaraan, pindaan ini menyediakan rangka kerja kawal selia yang khusus untuk PRS. Rangka kerja PRS akan menyediakan orang ramai dengan pilihan untuk membuat sumbangan tambahan untuk jangka masa pangjang secara sukarela untuk tujuan menambah simpanan persaraan mereka dalam persekitaran yang tersusun dan terkawal. Di bawah rangka kerja PRS, penyedia dana boleh menawarkan pelbagai dana dari mana individu boleh memilih untuk melabur berdasarkan keperluan mereka, matlamat dan selera risiko. Penyedia dana ini boleh tertakluk kepada kelulusan SC.

Dengan ini, ia adalah sangat jelas terdapat kejadian di mana PEMANDU bersama dengan Bank Negara, Securities Commission dan agensi penarafan lain telah menyumbang ke arah kemajuan NKEA Sektor Kewangan.

Soalan No :

PEMBER1TAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

DARIPADA

**LISAN Y.B. DATUK WEE JECK
SENG (TANJONG PIAI)**

TARIKH

22.03.2012

SOALAN:

Y.B. DATUK WEE JECK SENG [TANJONG PIAI] minta Menteri Pelajaran menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk memastikan para pelajar tidak meninggalkan kawasan sekolah dalam waktu persekolahan dan melakukan aktiviti yang tidak bermoral.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa memberi keutamaan di dalam menangani masalah disiplin dalam kalangan murid di negara ini. Dalam hal ini, KPM telah mengambil langkah-langkah seperti berikut:

- 1. Meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran dari segi kaedah yang boleh meningkatkan minat murid untuk hadir dan belajar di sekolah. Hal ini termasuklah memastikan guru-guru masuk ke kelas mengikut jadual yang telah ditetapkan.**
- 2. Mengamal dan membudayakan amalan penyayang dalam kalangan guru serta warga sekolah.**

3. **Mengadakan profil murid yang terlibat dengan permasalahan disiplin di sekolah.**
4. **Menganalisis isu dan tindakan terhadap permasalahan disiplin murid setiap bulan.**
5. **Menguatkuasakan peraturan keselamatan keluar masuk murid di sekolah khususnya semasa sesi persekolahan sedang berlangsung.**
6. **Bekerjasama dengan pihak Polis (Pegawai perhubungan Sekolah) dalam membuat rondaan ketika sesi persekolahan.**
7. **Melaksanakan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling secara berfokus kepada murid terlibat.**
8. **Mengadakan operasi ponteng secara berkala bersama beberapa agensi lain termasuk PIBG di peringkat daerah.**
9. **Mengadakan *engagement* bersama ibu bapa murid yang terlibat.**
10. **Menguatkuasakan sepenuhnya pelaksanaan SOP 1:3:7 iaitu penguatkuasaan penyelesaian tindakan dalam tempoh 7 hari (seminggu).**

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA TUAN JOHN A/L FERNANDEZ
[SEREMBAN]

TARIKH 22 MAC 2012 (KHAMIS)

SOALAN

Tuan John A/L Fernandez [Seremban] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berkenaan dengan tambang separuh harga (50%) yang ditawarkan oleh pihak Keretapi Tanah Melayu (KTM) kepada warga emas:-

- (a) adakah tambang tiket separuh harga separuh harga tersebut boleh di setiap stesen kereta api di seluruh negara; dan
- (b) adakah pihak KTM tidak bercadang untuk menawarkan lebih banyak lagi kemudahan istimewa kepada warga emas dan juga Orang Kurang Upaya.

SOALAN NO.19

JAWAPAN: ¹
YB DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA
MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pada masa ini, Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) menawarkan tiga perkhidmatan tren penumpang iaitu Antarabandar, KTM Komuter dan ETS yang memberikan tambang konsesi (diskaun) kepada warga emas seperti berikut:

- i. Perkhidmatan Antarabandar - warga emas mendapat kadar diskaun sebanyak 50% dari tambang asas perjalanan dan tiket boleh diperolehi di setiap stesen keretapi di seluruh negara. Walau bagaimanapun diskaun ini hanya bagi perjalanan yang melebihi 50 kilometer sahaja.
- ii. Perkhidmatan KTM Komuter - warga emas mendapat kadar diskaun sebanyak 50% dari tambang asas perjalanan dan tiket boleh diperolehi di setiap stesen keretapi di seluruh negara. Sektor yang terlibat adalah

dari Rawang ke Sungai Gadut dan Perlabuhan Klang ke Batu Caves.

- iii. Perkhidmatan ETS - warga emas mendapat kadar diskaun sebanyak 30% dari tambang asas perjalanan dan tiket boleh diperolehi di stesen ETS yang berdekatan. Sektor yang terlibat adalah dari Ipoh ke Seremban.

Di samping itu juga, sempena pelancaran *mykomuter* bagi tren *six-car set* (SCS) oleh YAB Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin pada 08 Mac 2012, KTMB telah menawarkan perjalanan percuma selama enam (6) bulan (Mac - Ogos) kepada OKU dan warga emas.

KTMB sentiasa prihatin terhadap kemudahan dan keselesaan golongan warga emas dan orang kurang upaya (OKU). Oleh yang demikian, KTMB bercadang untuk menawarkan lebih banyak lagi kemudahan kepada golongan ini bagi membantu mereka untuk menaiki tren dengan harga tiket yang berpatutan di samping sebagai tanggungjawab sosial KTMB kepada orang ramai terutama golongan ini.

SOALAN NO.19

Sekian, terima kasih.

Soalan No:

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

Y.B. TUAN HASBI BIN HABIBOLLAH

(LIMBANG)

TARIKH

22.03.2012

SOALAN:

Y.B. TUAN HASBI BIN HABIBOLLAH [LIMBANG] minta Menteri Pelajaran menyatakan mengapakah Kementerian tidak mengambil tindakan kepada kontraktor yang "abandon" projek SK Limbang dan SK Menuang, yang bermula pada 4 Februari 2009 dan sepatutnya siap pada 3 Februari 2011. Pada masa ini murid-murid di kedua-dua sekolah tersebut terpaksa belajar di bangunan lama yang sangat daif dan kurang selamat terutama sekali di SK Limbang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa memantau tentang projek projek SK Limbang dan SK Menuang. Bagi SK Limbang, status projek sehingga Februari 2012 ialah 92.36 peratus, manakala SK Menuang status projek sehingga Februari 2012 ialah 84.76 peratus.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara faktor yang menyumbang kepada kelewatan projek SK Limbang ialah keadaan cuaca yang lembap dan kekurangan bekalan bahan binaan. Manakala bagi SK Menuang faktor yang menyumbang kepada kelewatan projek ialah keadaan muka bumi yang keras, keadaan cuaca yang lembap dan kekurangan bekalan bahan binaan. KPM telah mengambil tindakan terhadap pihak kontraktor dengan mengenakan bayaran L.A.D bernilai RM 5,474.74 sehari bagi SK Limbang dan RM 2,676.42 sehari bagi SK Menuang. KPM menjangkakan kedua-dua projek ini dapat disiapkan selewat-lewatnya penghujung 2012.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: YB DATO' JOHARI BIN ABDUL [SUNGAI PETANI]

TARIKH : 22 MAC 2012

SOALAN

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status siasatan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) terhadap laporan yang dibuat oleh Ahli-ahli Majlis ke atas Pengurusan Majlis Perbandaran Sungai Petani (MPSPK) berhubung pembinaan Kompleks baru MPSPK yang sedang dalam pembinaan

MENTERI Di JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah selesai menjalankan penyiasatan ke atas laporan yang dibuat oleh Ahli-Ahli Majlis mengenai Pengurusan Majlis Perbandaran Sungai Petani (MPSPK) berhubung pembinaan Kompleks baru MPSPK yang sedang dalam pembinaan.

Berdasarkan siasatan yang telah dibuat, didapati tiada keterangan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa diperolehi terhadap mana-mana pihak atau orang perseorangan. Oleh itu kes ditutup setelah dirujuk kepada Timbalan Pendakwa Raya.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ

Sekian, terima kasih.

**NO. SOALAN:
43 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARI PAD A TUAN CHONG CHIENG JEN

[BANDAR KUCHING]

TARIKH 22 MAC 2012

SOALAN

YB Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching] minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah royalti yang dibayar kepada Kerajaan Sarawak atas pengeluaran minyak dan gas di Sarawak dalam tahun 2011.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah hasil petroleum yang telah dibayar kepada Kerajaan Sarawak pada tahun 2011 adalah sebanyak RM2.05 bilion.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARIPADA

Dato' Kamarudin Bin Jaffar
[Tumpat]

TARIKH

Khamis, 22 Mac 2012

SOALAN

Dato' Kamarudin Bin Jaffar [Tumpat]
minta MENTERI LUAR NEGERI
menyatakan adakah Kerajaan
Malaysia menyokong hak Iran untuk
mempunyai teknologi nuklear.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tumpat di atas pertanyaan yang telah dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Malaysia telah lama menjalinkan hubungan diplomatik dengan Iran dimana Malaysia telah membuka Kedutaan Besarnya di Tehran pada 1970. Manakala Kedutaan Besar Iran di Kuala Lumpur telah dibuka pada tahun 1981 yang juga merupakan Kedutaan pertamanya di luar negara selepas Revolusi Islam Iran pada tahun 1979. Malaysia dan Iran turut bergiat aktif dalam pertubuhan-pertubuhan dan forum-forum antarabangsa seperti Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC), Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) dan Kumpulan Lapan Negara- negara Membangun (D-8).

3. Di sini saya ingin menegaskan bahawa Malaysia sentiasa menganggap Iran sebagai sebuah negara rakan yang baik dan dasar luar Malaysia terhadap negara tersebut tidak pernah berubah. Perkara ini dibuktikan oleh pelbagai jalinan kerjasama antara kedua-dua negara yang masih berjalan lancar sehingga kini. Malah kedua-dua negara juga kerap bertukar-tukar lawatan di peringkat Menteri, Timbalan Menteri dan Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan.

4. Nilai dagangan antara Malaysia dan Iran juga didapati meningkat saban tahun. Pada tahun 2011, Iran merupakan rakan niaga Malaysia ke 35 terbesar di dunia dan keempat terbesar di

rantau Asia Barat. Pada tahun yang sama juga, jumlah nilai dagangan Malaysia dan Iran dicatatkan sebanyak RM4,982.44 juta (US\$1,628.25 juta), dengan kenaikan sebanyak 24.3% berbanding tahun 2010.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Umum mengetahui bahawa Iran sedang menghadapi sekatan ekonomi daripada pelbagai pihak termasuk oleh Majlis Keselamatan PBB, Amerika Syarikat dan negara-negara Kesatuan Eropah yang akan memberhentikan pembelian minyak daripada Iran dan mengenakan sekatan terhadap Bank Pusatnya bermula 1 Julai 2012. Sekatan-sekatan ini dikenakan terhadap Iran kerana keengganan menghentikan program nuklearnya yang didakwa oleh pihak Barat sebagai pembangunan senjata berbahaya yang boleh mengancam keamanan dunia. Walau bagaimanapun, Iran telah beberapa kali menafikan perkara ini dan menegaskan bahawa program nuklearnya adalah untuk tujuan keamanan iaitu sebagai sumber tenaga alternatif negara tersebut.

6. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Malaysia berpegang kepada pendirian bahawa negara kita hanya mengiktiraf, dan mempunyai obligasi, di bawah perundangan antarabangsa, untuk melaksanakan sekatan yang diluluskan di peringkat pelbagai hala sahaja, seperti sekatan yang diluluskan oleh Majlis Keselamatan PBB. Oleh yang demikian, Malaysia tidak mempunyai sebarang obligasi di bawah perundangan antarabangsa untuk melaksanakan sekatan-sekatan unilateral, seperti yang dikeluarkan oleh Amerika Syarikat dan negara-negara anggota EU, kerana ia

bersifat tidak mengikat atau *non-binding* dengan izin.

7. Walau bagaimanapun, Malaysia perlu mengimbangi kepentingan hubungan dua hala dengan Iran dan Amerika Syarikat, dimana kedua-dua negara ini merupakan rakan niaga yang penting dan strategik kepada Malaysia.

Tuan Yang Di-Pertua

8. Malaysia berpegang kepada prinsip bahawa setiap Negara, termasuk Iran, mempunyai hak untuk menggunakan dan membangunkan sektor tenaganya, termasuk tenaga nuklear untuk kegunaan secara aman sahaja. Malaysia juga berpendapat bahawa sesebuah Negara yang ingin mengguna tenaga nuklear harus patuh kepada prinsip-prinsip asas yang berkenaan dengan penggunaan tenaga nuklear secara aman. Prinsip-prinsip ini termasuk:

- 8.1 Pertama, sesebuah negara perlu mendapatkan keyakinan dan percayaan komuniti antarabangsa bahawa program nuklearnya digunakan semata-mata untuk tujuan aman;
- 8.2 Kedua, memastikan bahawa program nuklear mereka dilaksanakan secara penuh telus;
- 8.3 Ketiga, memastikan bahawa program nuklear tersebut tertakluk kepada skop penuh IAEA *Safeguards* dengan izin dan peraturan-peraturan yang berhubung dengan perkembangan program penjana nuklear yang ditetapkan oleh pihak IAEA; dan

8.4 Keempat, mematuhi peruntukan-peruntukan di bawah Perjanjian Ketidakcambahan Nuklear (*Nuclear Non-Proliferation Treaty*, NPT).

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWABLISAN
DARIPADA : DATUK JUSLIEBINAJIROL
[LIBARAN]
TARIKH : 22 MAC2012 (KHAMIS)

SOALAN

Datuk Juslie Bin Ajirol [Gopeng] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan kesan ekonomi dan sokongan rakyat kepada pembangunan negara sejak slogan “Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan” di bawah Gagasan 1 Malaysia yang diterapkan di bawah pimpinan Perdana Menteri Ke-6.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK) telah melaksanakan beberapa siri kajian dari masa ke semasa untuk menilai keberkesanan program dan aktiviti yang dijalankan semenjak Gagasan 1 Malaysia diperkenalkan pada 3 April 2009. Hasil kajian terkini yang dijalankan dari bulan Jun hingga Oktober 2011 mendapati tahap penerimaan rakyat terhadap Gagasan 1 Malaysia adalah 86.3% melebihi daripada sasaran yang telah ditetapkan untuk KPKK iaitu 85%.

KPKK juga telah menjalankan kajian bagi mendapatkan tahap sokongan rakyat terhadap Kerajaan sebagai penanda aras kejayaan Gagasan

SOALAN NO: 46

1 Malaysia di bawah pentadbiran YAB Perdana Menteri khususnya terhadap sektor ekonomi dan pembangunan negara.

Kebanyakan responden berpuas hati dengan pentadbiran Kerajaan menangani isu ketenteraman awam (76.8%), pendidikan (74.3%), perpaduan kaum (71.3%), pengangkutan awam (60.4%) dan pengurangan kadar jenayah (53.8%). Dari segi ekonomi, Kerajaan dilihat berjaya menarik sokongan rakyat dengan penerimaan rakyat terhadap pelbagai program yang dapat membantu meringankan beban kos sara hidup rakyat termasuklah Bantuan Rakyat 1 Malaysia (BR1M), Baucer Buku 1 Malaysia, Dana Belia 1 Malaysia, Program Kebajikan Rakyat 1 Malaysia atau KARISMA , Skim Rumah Pertamaku, Kedai Rakyat 1 Malaysia (KR1M), Klinik 1 Malaysia.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN : LISAN

DARI PAD A : TUAN AZAN BIN ISMAIL

[INDERA MAHKOTA]

TARIKH : 22 MAC 2012

SOALAN

Tuan Azan bin Ismail [Indera Mahkota] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah kedudukan terkini jumlah pegangan ekuiti Melayu dan Bumiputera serta kaum-kaum lain di negara ini serta bagaimanakah konsep 1 Malaysia diterjemahkan dalam peratus pemilikan ekuiti ini sebagai jaminan perpaduan di masa hadapan.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pegangan ekuiti Bumiputera dalam syarikat adalah sebanyak 21.9% pada tahun 2008 berbanding

NO. SOALAN:46

34.9% bagi kaum Cina, 1.6% India dan 37.9% pegangan asing. Kerajaan masih mensasarkan untuk mencapai sekurang-kurangnya 30% pemilikan ekuiti Bumiputera menjelang tahun 2020. Walau bagaimanapun, pemilikan ekuiti ini melangkaui ekuiti korporat iaitu termasuk hartanah, bangunan komersil dan harta intelek.

1 Malaysia adalah satu gagasan memupuk perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia yang berbilang kaum. Ia merupakan satu formula yang akan membantu memastikan aspirasi negara, iaitu bagi mencapai status sebuah negara maju menjelang tahun 2020.

Asas kepada semua ini adalah prinsip keadilan untuk semua kaum, yang mana nasib semua kaum akan terbela dan tidak dipinggirkan. Keadilan ini mestilah mengambil kira taraf kemajuan kaum-kaum yang berada pada tahap yang berbeza. Oleh itu, dasar-dasar kerajaan dan peruntukan-peruntukan Perlembagaan yang memberikan pembelaan kepada golongan yang memerlukannya, akan tetap dilaksanakan bagi memastikan pertumbuhan ekonomi dapat dinikmati dan dikongsi secara saksama oleh seluruh rakyat Malaysia tanpa mengira kaum.

Usaha ini diterjemahkan di dalam pelan RMKe-10, yang mana tumpuan yang lebih akan diberikan untuk meningkatkan penyertaan isi rumah bandar dan luar bandar khususnya isi rumah berpendapatan 40% terendah dengan menyediakan bantuan dan insentif yang bersesuaian kepada semua kaum iaitu Bumiputera, Cina, India dan lain-lain. Selaras dengan konsep 1 Malaysia, pendekatan pembangunan secara inklusif akan memastikan akses dan peluang yang saksama kepada penyertaan dalam ekonomi oleh semua rakyat Malaysia agar komposisi ekonomi yang lebih seimbang dalam pekerjaan berpendapatan tinggi dan pemilikan ekuiti dapat dicapai.

1 Malaysia adalah penerusan agenda membina negara. Untuk mencapai kemajuan bagi negara, sikap rakyat ke arah itu harus dibentuk dan ini dimulakan dengan membentuk sikap penerimaan antara kaum, yang

membawa kepada perpaduan yang utuh. Apabila perpaduan dicapai, maka urusan pembangunan negara akan berjalan dengan lancar.

Dari segi pemilikan ekuiti, Kerajaan mensasarkan untuk mencapai sekurang-kurangnya 30% ekuiti Bumiputera menjelang tahun 2020. Oleh yang demikian, Kerajaan akan terus komited dan mempertingkatkan usaha bagi memastikan agihan ke ekonomi dilaksanakan dengan adil dan saksama, melalui gagasan 1 Malaysia.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL
KELIMA PARLIMEN KEDUA BELAS,
TAHUN 2012 PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MALAYSIA**

PERTANYAAN JAWAB LISAN

DARIPADA **Y.B. TUAN WILLIAM @
NYALLAU ANAK BADAK**

(LUBOK ANTU)

TARIKH **22 MAC 2012**

SOALAN **47**

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** menyatakan adakah pihak Kementerian mempunyai perancangan dan peruntukan dalam rolling plan kedua RMK-10 untuk menaik taraf jalan-jalan balak yang tidak digunakan oleh syarikat-syarikat balak lagi memandangkan ianya begitu penting bagi penduduk-penduduk yang tinggal jauh pedalaman supaya dapat menggunakan jalan tersebut sebagai jalan alternatif untuk turun ke bandar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian ini telah menerima senarai projek jalan-jalan balak tersebut daripada Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Sarawak. Senarai tersebut akan dibuat keutamaan berdasarkan peruntukan yang diluluskan.

SOALAN NO.
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT

PERTANYAAN

DARIPADA

LISAN

KAWASAN

YB. TUAN SIM TONG HIM KOTA MELAKA

TARIKH

22 MAC 2012 (KHAMIS)

SOALAN:

YB. TUAN SIM TONG HIM (KOTA MELAKA) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan peratusan pengguna lebu raya di negara ini yang menggunakan kad perkhidmatan "Touch n Go":-

- (a) apakah "KPI" peratusan kegunaan kad perkhidmatan "Touch n Go" yang dicadangkan oleh Kementerian; dan
- (b) sehingga bulan Disember 2011, nyatakan jumlah kad telah dijual dan amaun yang dapat dikutip.

JAWAPAN

(a sc b)

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 31 Disember 2011 terdapat hampir 9 juta kad Touch N⁷ Go yang berada dalam edaran pengguna dengan jumlah jualan transaksi kad sahaja ialah sebanyak RM8.4 juta (nilai jualan bersih). Daripada 9 juta kad tersebut, hanya 5 juta merupakan kad yang masih aktif manakala bakinya ialah kad luput tempoh atau kad yang tidak lagi digunakan.

Mengenai penggunaan kad Touch N' Go di lebuhraya - lebuhraya seluruh negara, sehingga 31 Disember 2011 jumlah peratusan nasional penggunaan kad tersebut ialah sebanyak 52% daripada jumlah keseluruhan pengguna yang membayar tol. Daripada 27 buah lebuhraya yang sedang beroperasi, penggunaan kad Touch N⁷ Go yang tertinggi dicatatkan di Laluan Kedua Malaysia - Singapura (LINKEDUA), iaitu 77% daripada jumlah pengguna yang membayar tol, diikuti oleh Terowong SMART (67%) dan Lebuhraya Skim Penyuraian Trafik KL Barat (SPRINT) serta Jambatan Pulau Pinang - masing-masing mencatatkan kadar penggunaan 63%. Manakala lebuhraya yang mencatatkan penggunaan kad Touch N⁷ Go terendah ialah Lebuhraya Pantai Timur Fasa 1 (31%). Tahap penggunaan kad Touch N⁷ Go di Lebuhraya Utara - Selatan (PLUS) pula ialah 56%.

Untuk tahun 2012, Kementerian Kerja Raya telah menetapkan sasaran penggunaan kad Touch N' Go daripada jumlah keseluruhan pengguna yang membayar tol bagi lebuhraya dalam bandar (*urban highways*) ialah sebanyak 60%, manakala bagi lebuhraya antara bandar (*intra-city highways*) pula ialah 35%.

Sekian. Terima kasih.

Soalan No:

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN
DARIPADA**

**LISAN
Y.B. TUAN KHAIRY JAMALUDDIN
(REMPAU)**

TARIKH

22.03.2012

SOALAN:

Y.B. TUAN KHAIRY JAMALUDDIN [REMPAU] minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah Kerajaan serius dan komited menjadikan Rancangan Intergrasi Murid Untuk Perpaduan (RIMUP) sebagai satu program teras di dalam meningkatkan integrasi perpaduan rakyat menerusi program di alam persekolahan memandangkan peruntukan 2011 hanyalah RM2.4 juta. Apakah Kerajaan akan meningkatkan peruntukan bagi pelaksanaan RIMUP dan juga mengolah modulnya supaya lebih menarik, komprehensif dan efektif selaras dengan gagasan perpaduan 1 Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) menerima peruntukan sebanyak RM 1.2 juta bagi peruntukan fasa 1, bagi melaksanakan program Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan (RIMUP) bagi tahun 2012.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Seminar Merekayasa Program RIMUP pada bulan September 2011 telah diadakan untuk memantapkan lagi pelaksanaan program RIMUP di sekolah-sekolah. Kajian secara menyeluruh juga telah dilaksanakan oleh satu jawatankuasa yang diketuai oleh Universiti Putra Malaysia pada tahun 2011. Beberapa cadangan telah dikemukakan bagi tujuan penambahbaikan. Kesenambungan daripada kajian tersebut, satu

jawatankuasa telah dibentuk bagi mengkaji “Hubungan Antara Kaum di Malaysia”. Ahli jawatankuasa terdiri daripada tokoh-tokoh ilmuan pelbagai bidang dengan diterajui oleh ilmuan Universiti Kebangsaan Malaysia. Kajian tersebut akan dilaksanakan dalam tempoh terdekat.

Rjm 41

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DR. MICHEAL JEYAKUMAR DEVARAJ
(SUNGAI SIPUT)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 22.03.2012

Y.B. DR. MICHEAL JEYAKUMAR DEVARAJ [SUNGAI SIPUT] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan secara terperinci pemiutang yang terkandung dalam kategori "lain-lain" dalam Jadual Perangkaan 4.8 "Hutang Dalam Negeri Kerajaan Persekutuan", Bab 4 "Kewangan Awam" dalam Laporan Ekonomi 2011/2012, yang telah melonjak daripada RM39,781 juta pada tahun 2007 kepada RM111,858 juta pada tahun 2011.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga 31 Disember 2011, jumlah hutang Kerajaan Persekutuan adalah sebanyak RM456.1 bilion atau 53.5 peratus kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK). Daripada jumlah tersebut, sebahagian besar hutang Kerajaan Persekutuan merupakan hutang dalam negeri yang berjumlah RM438.0 bilion atau 96.0 peratus daripada jumlah keseluruhan hutang, manakala baki RM18.1 bilion atau 4.0 peratus merupakan hutang luar negeri.

2. Jadual Perangkaan 4.8 bertajuk Hutang Dalam Negeri Kerajaan Persekutuan dalam Laporan Ekonomi 2011/2012, menjelaskan jenis instrumen

hutang yang diterbitkan oleh Kerajaan Persekutuan iaitu Bil Perbendaharaan, Sijil Pelaburan dan Sekuriti Kerajaan dalam tempoh 2007 hingga akhir Jun 2011 serta institusi-institusi yang melanggan instrumen berkenaan. Pelabur-pelabur yang melanggan instrumen berkenaan termasuklah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Bank Negara Malaysia, institusi bank, syarikat insurans manakala kategori "lain-lain" adalah merujuk kepada institusi/pelabur asing, Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), pertubuhan-pertubuhan keselamatan sosial lain dan sektor kewangan yang lain. Kenaikan yang ketara dalam kategori "lain-lain" adalah disebabkan pelaburan yang semakin meningkat oleh pemilik-pemilik asing berjumlah RM29,089 juta pada tahun 2007 kepada RM91,608 juta sehingga Jun 2011 iaitu peningkatan sebanyak 3 kali ganda. Untuk makluman Yang Berhormat, instrumen berkenaan diniagakan di pasaran sekunder dan sesiapa sahaja boleh membeli dan menjual sekuriti berkenaan.

SOALAN NO: 51

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: YB TUAN TAN KOK WAI [CHERAS]

TARIKH : 22 MAC 2012

SOALAN

Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta PERDANA MENTERI

menyatakan berapakah aduan yang diterima oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia berhubung amalan rasuah oleh Perdana Menteri, Menteri, Timbalan Menteri, Menteri Besar, Ketua Menteri dan anggota-anggota EXCO mereka sehingga kini dan setakat manakah tindakan yang telah diambil ke atas aduan-aduan tersebut dari segi siasatan, tindakan pendakwaan dan yang ditolak. Jika ditolak, apakah

sebab-sebabnya.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) adalah sebuah agensi penguatkuasaan pencegahan rasuah yang menjalankan siasatan berdasarkan peruntukan undang-undang yang telah ditetapkan serta menjalankan penyiasatan tanpa dipengaruhi atau menerima arahan mana-mana pihak. Setiap maklumat atau aduan yang diterima dan mempunyai asas berlakunya perlakuan rasuah akan disiasat SPRM tanpa mengira status, kedudukan dan latar belakang politik individu terbabit.

Untuk makluman Y.B. Cheras juga, semenjak penubuhan SPRM terdapat beberapa kes yang telah selesai disiasat dan yang dituduh yang melibatkan pelbagai peringkat jawatan politik. Hasil siasatan telah dikemukakan kepada Bahagian Perundangan dan Pendakwaan SPRM untuk penelitian dan keputusan. Dalam beberapa kes setelah dipertimbangkan segala bukti dan keterangan, Bahagian tersebut telah memutuskan keterangan yang ada tidak kukuh dan telah diputuskan tiada pendakwaan oleh pihak Pendakwa Raya.

Keputusan Bahagian Perundangan dan Pendakwaan itu telah dirujuk kepada Panel Penilaian Operasi yang dipengerusikan oleh Tan Sri Hadenan bin Abd Jaail dan tujuh ahli panel yang terdiri dari pelbagai latar belakang profesion seperti peguam, bekas hakim, auditor, ahli akademik,

NGO dan mereka ini telah berpuas hati dan bersetuju dengan keputusan yang telah dibuat oleh Pendakwa.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN : 52

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

TUAN MOHD NASIR BIN ZAKARIA

TARIKH

22 MAC 2012

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah FELDA bercadang menyemak dan mengkaji semula Kos Tanam Semula di bawah FELDA Technoplant yang begitu tinggi pada waktu ini.

JAWAPAN

**DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI
MASLAN**

TIMBALAN MENTERI DI JPM

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, program tanam semula kebun peneroka adalah untuk menggantikan pokok-pokok sawit dan getah yang telah tua dan tidak produktif. Program ini juga bertujuan meningkatkan hasil peneroka melalui penerapan teknologi baru seperti benih-benih bermutu, baja, kawalan musuh penyakit dan sebagainya. Program tanam semula bagi kebun peneroka yang terlibat perlu dijalankan serentak dan tidak

boleh dilaksanakan secara berperingkat. Dalam melaksanakan program tanam semula ini FELDA juga akan memastikan pendapatan peneroka dapat ditingkatkan dengan kawalan kos yang berpatutan. Kos tanam semula yang diuruskan oleh FELDA dan FELDA Technoplant secara relatifnya adalah lebih rendah berbanding syarikat swasta.

FELDA bertanggungjawab untuk mengawal kos pengurusan tanam semulas upaya tidak melebihi kadar RM6.500 sehektar bagi tanaman sawit dan RM7.000 sehektar bagi tanaman getah. Ini bermakna bagi kawasan 10 ekar, kos program tanam semula yang ditetapkan ialah RM26,000.00/10 ekar (RM2,600.00/ekar). Dalam tempoh 36 bulan program tanam semula dijalankan, segala kos tambahan akan ditanggung oleh FELDA.

Program tanam semula perlu dilaksanakan sehingga Berjaya bagi memastikan pulangan hasil yang lebih baik kepada peneroka. Sekiranya Yang Berhormat mempunyai bukti kos tanam semula di syarikat swasta lebih rendah berbanding FELDA, pihak FELDA bersedia menggunakan kaedah yang dilaksanakan oleh lading swasta untuk mendapatkan kos yang lebih murah.

00000000000000000000

1^0-50 A-L-A^ *
m-Akm-~2

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO¹ ZULKIFLI BIN NOORDIN
[KULIM BANDAR BARU]**

TARIKH : 22 MAC 2012

RUJUKAN : 4478

SOALAN :

**Dato" Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakart**

(a) apakah status terkini dan tindakan yang telah diambil mengenai laporan polis Dengkil Repot/001196/09 mengenai perbuatan jenayah rogol seorang pensyarah ke atas seorang pelajar UPM; dan

(b) bilakah pertuduhan merogol akan dikenakan terhadap perogol tersebut yang masih dibenarkan bertugas sebagai pensyarah.
Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Bukit Mertajam yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, laporan polis Dengkil Repot/001196/09 mengenai perbuatan jenayah rogol seorang pensyarah ke atas seorang pelajar UPM masih dalam siasatan pihak polis. Pihak PDRM telah merujuk kes tersebut ke Timbalan

Pendakwaraya dan sedang menunggu pandangan serta arahan selanjutnya.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA TUAN SALLEH BIN KALBI (SILAM) 22
TARIKH MAC 2012 (KHAMIS)
SOALAN NO. 54

Tuan Salleh bin Kalbi [Silam] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan sama ada Kerajaan bersedia untuk memperluas cawangan Universiti Teknologi MARA dan Politeknik dengan mendirikan sebuah universiti atau politeknik yang berkonsepkan agro pendidikan di Parlimen Silam.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Penubuhan sesebuah institusi pengajian tinggi (IPT) dibuat dengan mengambil kira kemampuan pembiayaan kerajaan, kepentingan bidang tujahan (niche area) tertentu terhadap pembangunan sosio-ekonomi negara, sumber manusia yang mencukupi serta keperluan sumber tenaga yang diperlukan dalam pasaran kerja tempatan. Pada masa ini, Kementerian tiada perancangan untuk membina kampus cawangan UiTM dan Politeknik di kawasan Silam. Negeri Sabah dan Labuan sebenarnya telah mempunyai beberapa IPTA iaitu Universiti Malaysia Sabah (UMS), Kampus Cawangan UMS di Labuan, Universiti Teknologi MARA (UiTM)

Kampus Tawau dan Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kampus Kota Kinabalu.

Di samping itu, juga terdapat dua buah politeknik di Sabah iaitu Politeknik Kota Kinabalu dan Politeknik Sandakan. Politeknik Sandakan sebenarnya telah menawarkan Diploma Agro Teknologi dan Diploma Akuakultur. Manakala Kolej Komuniti Lahat Datu yang terletak di Parlimen Silam juga turut menawarkan program dalam bidang agro iaitu Program Pemprosesan Makanan dan Program Industri Agro.

Kementerian percaya bahawa IPTA, Politeknik dan Kolej Komuniti sedia ada di Sabah mampu untuk memberikan pendidikan tinggi yang secukupnya termasuk bagi kawasan Parlimen Silam.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWABLISAN

DARIPADA Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]

TARIKH 22 Mac 2012

SOALAN 55

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan setelah sekian lama Syarikat Penerbangan MAS telah menandatangani '*Collaboration Agreement*' dengan Syarikat AirAsia, adakah rakyat jelata, juga Kerajaan, berpuas hati dengan layanan perkhidmatan pengangkutan udara di Malaysia. Sila jelaskan di manakah ada penambahbaikan dalam perkhidmatan penerbangan Malaysia sekarang.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, buat masa ini kedua-dua syarikat penerbangan masih di dalam proses perbincangan untuk menambahbaik perkhidmatan penerbangan sediaada. Sehubungan dengan itu, penambahbaikan dalam perkhidmatan penerbangan Malaysia masih belum dapat direalisasikan lagi. Secara keseluruhannya, MAS terpaksa membatalkan perkhidmatan penerbangannya ke beberapa destinasi antarabangsa dan dalam negeri disebabkan kerana laluan-laluan tersebut telah mencatatkan kerugian yang sangat tinggi. Pembatalan penerbangan ini telah secara tidak langsung telah menyebabkan rakyat jelata tidak berpuashati terhadap layanan perkhidmatan pengangkutan udara di Malaysia.

8/56

PEMBERITAHUAN

**PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA : Y.B. TUAN FONG KUI LUN
(BUKIT BINTANG)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 22.03.2012

Y.B. TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan perkembangan projek pembinaan jajaran MRT dari Sungai Buloh ke Kajang sudah berjalan, apakah masalah-masalah yang timbul dan sejauh mana ia telah diatasi sehingga kini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, projek pembinaan jajaran MRT dari Sungai Buloh ke Kajang sedang giat dilaksanakan di mana kerja-kerja pendahuluan (*preliminary works*) telah mula dilaksanakan di Depot Sungai Buloh, portal Semantan di Jalan Duta, dan di Cochrane. Selain itu, dua (2) pakej pembinaan jejambat (*viaduct*) dari portal Maluri ke Plaza Phoenix dan dari Plaza Phoenix ke Bandar Tun Hussein Onn dijangka akan dimulakan pada akhir bulan Mac 2012. Manakala 90 pakej kerja lagi dijangka akan dilaksanakan pada tahun ini melalui proses tender terbuka.

Untuk makluman Yang Berhormat, tujuan utama Kerajaan melaksanakan projek pembangunan infrastruktur seperti ini adalah untuk memberi kemudahan yang selesa kepada rakyat. Secara lazimnya, mana-mana projek pembangunan untuk kepentingan rakyat akan melalui proses perancangan, pelaksanaan dan pemantauan yang teliti terutama sekali dari aspek penggunaan sumber ekonomi dan kewangan Kerajaan secara berkesan bagi mencapai *value for*

money serta me **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DAN JAWABAN RAKYAT** dinikmati secara langsung oleh rakyat. Oleh hal yang demikian, projek pembangunan Kerajaan merupakan agenda terpenting pembangunan negara dan perlu dilaksanakan demi kepentingan rakyat keseluruhannya.

Dalam hubungan ini, sejak awal pelaksanaan projek MRT, Kerajaan mengambil pendekatan untuk melibatkan rakyat secara langsung terutamanya dari aspek maklum balas atau pandangan terhadap jajaran MRT yang melalui kawasan-kawasan yang padat dengan penduduk dan kawasan komersial. Antara usaha yang dibuat adalah mengadakan *public display* dan mewujudkan pusat informasi di beberapa lokasi terpilih bagi membolehkan rakyat memberi pandangan dan aduan terhadap masalah yang berbangkit ekoran daripada pelaksanaan projek MRT. Kaedah ini merupakan amalan terbaik dilaksanakan kerana ia melibatkan *direct engagement* dengan rakyat agar segala permasalahan berkaitan pembangunan MRT dapat diatasi dengan segera, cekap dan berhemah. Kerajaan juga amat perihatin terhadap permasalahan rakyat dan dalam masa yang sama pendekatan *win-win-win situation* (Kerajaan, MRT Co. dan rakyat) digunapakai supaya projek MRT dapat dilaksanakan dengan lancar mengikut jadual dan tanpa masalah.

PERTANYAAN JAWAB LISAN
DARIPADA DATO' SERI TIONG KING SING 22 MAC 2012 (KHAMIS)
TARIKH NO. 57
SOALAN

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta MENTERI PENGAJIAN
TINGGI menyatakan

- (a) Adakah pihak Kementerian meninjau program-program yang ditawarkan di Institusi Pengajian Tinggi untuk memastikan program yang ditawarkan optimum dalam pembangunan negara dan relevan dengan permintaan pasaran pekerjaan; dan
- (b) Adakah Kementerian melantik pihak tertentu dalam memantau program yang ditawarkan di Institusi Pengajian Tinggi dan jika ya, berapa banyakkah pihak yang telah dilantik serta apakah kos yang terlibat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Teras 2, Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) iaitu "Menambah Baik Kualiti Pengajaran dan Pembelajaran" menetapkan bahawa semakan kurikulum IPT sentiasa dibuat agar kurikulum yang

disediakan berkualiti tinggi dan dapat memenuhi aspirasi negara. Semakan dibuat dengan mengambil kira pandangan ahli-ahli akademik, pakar dari industri dan pihak swasta, pegawai kerajaan dan badan bukan kerajaan (NGO) pada setiap dua hingga tiga tahun berdasarkan keperluan bidang pengajian.

Melalui Majlis Dekan-dekan IPTA, interaksi secara berkala diadakan dengan pihak industri dan pihak berkepentingan (*stakeholders*). Sepanjang tahun 2011, beberapa sesi pertemuan telah diadakan dengan pihak industri dalam bidang iCT, bidang Perbankan dan Insurans, bidang pengurusan dan perkhidmatan kerajaan yang telah berjaya membantu IPTA dalam menyediakan semakan semula kurikulum. Bagi memastikan bidang pengajian mempunyai pengiktirafan antarabangsa, *benchmarking* dengan bidang yang sama di universiti terkemuka dunia juga dilaksanakan.

Kementerian juga turut melaksanakan Kajian Hala tuju Bidang Pengajian yang merungkai persoalan apakah kedudukan semasa program-program pengajian kita dan ke manakah arah hala tuju atau potensi program-program pengajian ini pada masa hadapan. Antara bidang pengajian yang telah dibuat kajian hala tuju ialah Kejuruteraan, Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT), Ekonomi & Pengurusan, Pengajian Islam, Kaunseling, Aeroangkasa, Teknologi Makanan, Kejururawatan, Maritim, Bioperubatan, Pertanian, Perakaunan, Undang-undang, Bahasa Inggeris, Bioteknologi, Perubatan, Pergigian dan Farmasi.

Di samping itu, sebagai usaha tambahan untuk mewujudkan pengajian tinggi yang berkualiti, kerajaan telah melaksanakan Kerangka Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualification Framework*) pada akhir tahun 2007. Selaras dengan peranannya sebagai tempat rujukan kualiti pengajian tinggi, MQF memberikan penekanan kepada pendidikan berlandaskan hasil pembelajaran.

Tuan Yang di-Pertua,

- (b) Pada masa ini, Kementerian Pengajian Tinggi melaksanakan sendiri pemantauan terhadap program-program pengajian yang ditawarkan di IPT dan tidak melantik mana-mana pihak untuk menjalankan pemantauan.

NO.

SOALAN:58 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
TARIKH : 22 MAC 2012

Tuan William Leong Jee Keen (Selayang) minta PERDANA MENTERI menyatakan keputusan yang dicapai oleh Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) dan bila dasar tindakan alternatif Bumiputera ditamatkan.

JAWAPAN:

Semenjak ditubuhkan pada Februari 2011, TERAJU telah memperkenalkan beberapa inisiatif yang digarap bagi tujuan memperkukuhkan kedudukan ekonomi Bumiputera di Malaysia. Strategi dan hala tuju secara menyeluruh digariskan dalam dokumen Hala Tuju Transformasi Ekonomi Bumiputera yang telah dilancarkan pada 26 November 2011. Antara inisiatif-inisiatif dalam dokumen tersebut adalah seperti berikut:

1. Program syarikat Bumiputera berprestasi tinggi (TeraS) bagi mengenalpasti syarikat-syarikat yang mempunyai potensi tinggi untuk dilonjakkan ke tahap yang lebih tinggi, sehingga ke peringkat

antarabangsa. Setakat ini, 80 buah syarikat telah diluluskan dan diumumkan sebagai syarikat TeraS dengan nilai agregat perolehan tahunan sebanyak RM6 bilion.

2. Menyediakan sebanyak RM2 bilion dari jumlah peruntukan Dana Mudah Cara sebanyak RM20 bilion yang dikendalikan oleh Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) khas bagi syarikat-syarikat Bumiputera dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10). Projek pertama yang memohon pembiayaan Dana Mudah Cara sebanyak RM19.6 juta telah diluluskan oleh Jawatankuasa Awam Swasta bagi satu projek yang bernilai RM132 juta. Sejumlah 21 buah projek dengan nilai kos projek sebanyak RM3.5 bilion pula sedang dalam proses penilaian pada ketika ini.

3. Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera (YPPB) telah ditubuhkan dan mula beroperasi pada bulan Februari 2012 dengan dana permulaan sebanyak RM158 juta yang berjaya dikumpul dari syarikat-syarikat korporat dan agensi-agensi berkaitan. Objektif utama YPPB adalah untuk meningkatkan kapasiti golongan Bumiputera berpotensi melalui peluang-peluang pendidikan tertiar dan teknikal terutamanya bagi mereka yang datang dari keluarga yang berpendapatan rendah atau luar bandar.

4. Sebanyak 43% daripada keseluruhan projek MRT telah dipersetujui untuk diperuntukkan kepada kontraktor-kontraktor Bumiputera untuk dibida secara kompetitif di kalangan mereka.

5. Melalui Skim Jejak Jaya Bumiputera, 6 syarikat telah berjaya

disenaraikan di Bursa Malaysia dengan jumlah *market capitalization* (dengan izin) sebanyak lebih kurang RM800 juta.

TERAJU@Koridor telah ditubuhkan pada bulan ini di Koridor Utara (NCER) dan di Sarawak. TERAJU akan menempatkan pegawainya di semua lima koridor ekonomi di seluruh negara bagi memudah cara proses penyampaian kepada usahawan-usahawan Bumiputera.

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL
KELIMA PARLIMEN KEDUA BELAS
(2012)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA Y.B. PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR
 [LEMBAH PANTAI]**

TARIKH 22 MAC 2012 [KHAMIS]

SOALAN

Puan Nurul Izzah Binti Anwar [Lembah Pantai] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Majlis Fatwa Kebangsaan akan mengeluarkan Fatwa tentang amalan penipuan pelbagai bentuk dan cara dalam pilihan raya dan penganugerahan status kewarganegaraan kepada warga asing sebagai balasan sokongan kepada Kerajaan Pusat.

JAWAPAN: (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia berpandangan tidak ada keperluan untuk berbincang dan memberikan fatwa berkaitan penipuan dalam pilihanraya.

I

Ini kerana , dalam Islam, hukum bagi sebarang bentuk penipuan adalah jelas iaitu tidak dibenarkan.

Suruhanjaya Pilihanraya juga telah mempunyai undang-undang dan peraturan yang boleh mengawal dan mengendalikan proses serta perjalanan pilihanraya di negara ini agar berlangsung dengan telus dan adil.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT PERTANYAAN LISAN

DARIPADA YB TUAN SALAHUDDIN BIN HAJI AYUB

TARIKH 22 MAC 2012 (KHAMIS)

SOALAN

Tuan Salahuddin Bin Haji Ayub [Kubang Kerian] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah tindakan Kerajaan terhadap surat daripada Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersil Polis Diraja

Malaysia kepada Perdana Menteri bertarikh 26 Mac 2007 yang menyatakan terdapat bukti yang mencukupi untuk mendakwa Tan Sri Tajudin Ramli, Wan Aisyah Wan Hamid dan Ralph Gotz berikutan kerugian MAS yang berjumlah berbillion ringgit.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telah merujuk kes yang melibatkan Tan Sri Tajudin Ramli dan Wan Aisyah Wan Hamid kepada Jabatan Peguam Negara pada tahun 2006. Berdasarkan siasatan yang telah dijalankan, keterangan menunjukkan bahawa beliau telah melanggar peruntukan seksyen 131 Akta Syarikat 1965 iaitu kesalahan melibatkan "*disclosure of interests in contracts, property, offices, etc.*".

Kesalahan di bawah peruntukan tersebut merupakan satu kesalahan yang boleh dikompaun. Oleh itu, Jabatan Peguam Negara telah mengemukakan kes tersebut kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia untuk mengambil tindakan kompaun terhadap mereka.

Memandangkan kes ini juga melibatkan satu tuntutan sivil yang

NO. SOALAN:46

masih belum selesai sehingga kini, maka Tan Sri Tajudin Ramli telah membuat permohonan kepada Jabatan Peguam Negara agar kompaun yang dikenakan terhadapnya ditangguhkan sehingga selesai tuntutan sivil yang berkenaan.

Jabatan Peguam Negara telah membenarkan permohonan tersebut dan kompaun yang berkenaan masih ditangguhkan sehingga tuntutan sivil yang berkaitan selesai. Perbicaraan bagi tuntutan sivil ini telah ditetapkan untuk perbicaraan di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 23 Mei 2012.

Manakala siasatan berkenaan Ralph Gotz pula melibatkan kesalahan di bawah Kanun Keseksaan. Memandangkan Ralph Gotz

bukan warganegara Malaysia dan tidak berada di dalam Malaysia, Peguam Negara telah mengarahkan siasatan lanjut dijalankan bagi memperoleh keterangan yang juga terdapat di luar negara. Tindakan siasatan masih dijalankan oleh pihak Polis Diraja Malaysia.

Sekian, terima kasih.

DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEDUA BELAS _____ (2012)

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA YB TUAN HAJI NASHARUDIN BIN MAT ISA
[BACHOK]

TARIKH 22 MAC 2012 [KHAMIS]

SOALAN

Tuan Haji Nasharudin bin Mat Isa [Bachok] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapakah MAIWP memberhentikan pemberian RM5000 kepada pelajar lulusan Darul Quran sejak 2009 walaupun sebelum ini MAIWP berjanji pelajar yang lulus dari Darul Quran akan menerima RM5,000 semasa graduasi sebagaimana sebelum 2009.

JAWAPAN: (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, sebelum tahun 2009 Majlis Agama Islam Wilayah

NO. SOALAN:

Persekutuan (MAIWP) menyalurkan bantuan kepada para pelajar lepasan Darul Quran yang mendapat tempat di universiti-universiti dalam dan luar negara. Sebanyak **RM4,000 disalurkan kepada pelajar yang menyambung pengajian di universiti dalam negara dan RM5,000 kepada pelajar-pelajar yang menyambung pengajian di universiti luar negara.**

Suka saya jelaskan bahawa pada masa itu bantuan diberikan kepada semua pelajar tersebut yang menyambung pengajian tanpa mengambil kira negeri asal para pelajar berkenaan.

Walau bagaimanapun, mulai tahun 2009, Unit Audit Dalam MAIWP telah memberikan teguran bahawa pemberian bantuan tersebut adalah tidak menepati syarat agihan zakat yang telah ditetapkan iaitu bantuan hanya diberikan kepada mereka yang menetap di Wilayah Persekutuan sahaja.

Sehubungan itu, MAIWP telah menyemak semula pemberian bantuan berkenaan dan **bermula dari tahun 2009, bantuan hanya disalurkan kepada pelajar-pelajar lepasan Darul Quran yang menetap di Wilayah Persekutuan sahaja dan mendapat tempat di universiti dalam dan luar negara.** Para pelajar dari negeri lain boleh memohon bantuan zakat daripada negeri masing-masing.

Sekian, terima kasih.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT MESYUARAT
PERTAMA, PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KE-12, 2012**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT
PERTANYAAN LISAN**

Pertanyaan

Ir. Haji Hamim Bin Samuri [Ledang]

Daripada Tarikh

22 Mac 2012 (Khamis)

Soalan
Menjawab

No. 62 (PR-1251-L47649)

Ir. Haji Hamim Bin Samuri [Ledang] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan peranan negara di dalam memperjuangkan penggunaan minyak kelapa sawit di dalam industri *Oleochemical* khususnya penggunaan Tallow bagi menggantikan lemak binatang dalam produk makanan dan lain-lain di peringkat antarabangsa khususnya di negara barat dan Amerika.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT MESYUARAT
PERTAMA, PENGGAL KELIMA, PARL1MEN KE-12, 2012**

JAWAPAN:

Tuan Yang DiPertua,

Penggunaan asid lemak (*fatty acids*) berasaskan minyak sawit telah diaplikasikan secara meluas dalam penghasilan oleokimia bagi produk-produk dalam industri makanan dan bukan makanan bagi menggantikan asid lemak berasaskan haiwan (*tallow*).

Dalam industri makanan, asid lemak berasaskan minyak sawit digunakan untuk penghasilan produk-produk berasaskan oleokimia termasuk agen pengemulsi (*emulsifier*) untuk penghasilan marjerin, ais krim, mayones dan krim. Bagi industri bukan makanan pula, oleokimia berasaskan sawit digunakan dalam penghasilan produk-produk termasuk sabun, detergen, lubrikan, polimer, kosmetik dan produk-produk bahan penjagaan diri.

Pada masa kini, pengusaha kilang oleokimia Malaysia mempunyai pengiktirafan seperti pensijilan halal, kosyer berserta bertaraf *Good Manufacturing Process* (GMP). Malaysia juga merupakan antara pengeksport utama dunia bagi produk oleokimia seperti asid lemak, alkohol lemak, metil ester, gliserin dan cip sabun.

Kementerian melalui Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) akan terus menggalakkan penyelidikan dan pembangunan dalam penghasilan produk-produk baru berasaskan oleokimia. Ini akan dapat

**PERTANYAAN-PERTANYAAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT MESYUARAT
PERTAMA, PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KE-12, 2012**

memperkukuhkan
permintaan oleokimia di luar negara serta memperkukuhkan pembangunan
industri sawit negara.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT PERTANYAAN LISAN

DARIPADA TUAN CHOW KON YEOW

[TANJONG]

TARIKH 22 MAC 2012 (KHAMIS)

SOALAN

Tuan Chow KonYeow [Tanjong] minta PERDANA MENTERI
menyatakan

- (a) Jumlah wang yang dibayar kepada syarikat media asing demi
menghasilkan berita atau program demi meningkatkan imej
Kerajaan Malaysia dari tahun 2008 sehingga kini; dan

(b) Sama ada langkah tersebut beretika.

JAWAPAN: (DATO' SERIMOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ)

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan tidak pernah membayar wang kepada syarikat media asing untuk menyediakan berita atau program bagi meningkatkan imej kerajaan Malaysia dari tahun 2008 hingga kini. Sebenarnya, kerajaan sebagaimana yang dilakukan oleh kerajaan negara lain, ada mendapatkan kepakaran asing dalam bidang komunikasi untuk menarik pelaburan asing dan meningkatkan kedatangan pelancong bagi meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara.

Kerajaan menuntut semua organisasi yang bekerja dengannya untuk mempunyai standard etika yang tinggi dan kita tidak akan berkompromi dengan hal ini.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT PERTANYAAN LISAN

DARIPADA PUAN CHONG ENG

NO. SOALAN : 64

[BUKIT MERTA JAM]

TARIKH 22 MAC 2012 (KHAMIS)

SOALAN

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah sebabnya Kerajaan enggan melaksanakan dasar menetapkan semua Menteri mengisytiharkan jumlah harta masing-masing secara terbuka setiap tahun untuk mencegah amalan rasuah.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan yang ada pada hari ini merupakan sebuah Kerajaan yang mengamalkan sikap telus dan terbuka. Oleh itu, Kerajaan sentiasa bersedia untuk melaksanakan dasar perisytiharan harta Menteri Kabinet dan hakim-hakim bagi memastikan integriti dalam pentadbiran Kerajaan. Tuan Yang Di Pertua,

Sebenarnya Kerajaan telah lama mengamalkan proses pengisytiharan

harta oleh Anggota Pentadbiran. Pengisytiharan harta yang diwajibkan pula bukan terhad kepada Anggota pentadbiran sahaja seperti yang dilakukan oleh pihak tertentu, sebaliknya bersifat menyeluruh dan turut melibatkan ahli keluarga terdekat. Setiap Anggota Pentadbiran diwajibkan mengisytiharkan harta diri serta harta keluarga terdekat kepada Perdana Menteri. Setiap tambahan atau pelupusan harta juga wajib diisytiharkan. Tambahan lagi kesemua pengisytiharan harta yang berkenaan dibuat secara berkanun (**statutory declaration**). Pada 27 Februari yang lalu saya telah mengumumkan persetujuan Kerajaan agar Ketua Pesuruhjaya SPRM mempunyai akses penuh kepada dokumen-dokumen pengisytiharan harta mana-mana Anggota Pentadbiran dan akan memantau pertambahan harta, *liability* dan pelupusan semasa beliau memegang jawatan. Setiap tambahan atau pelupusan harta wajib diisytiharkan setiap 2 tahun. Ini mencerminkan keterbukaan dan kesediaan Kerajaan membantu fungsi dan peranan SPRM selaku pihak berkuasa dalam pencegahan rasuah selain membuktikan komitmen kerajaan memerangi jenayah rasuah secara total dan di semua peringkat.

Sekian, terima kasih.

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA

PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI (BATANG SADONG) 22

TARIKH

MAC 2012

SOALAN

PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan apakah tindakan yang boleh diambil oleh Kementerian terhadap penjual beras ST15% yang menjual beras ini kepada pengusaha restoran dan bukan kepada pelanggan biasa yang membeli secara kecil-kecilan.

JAWAPAN OLEH: YB. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

INPUT JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Seseorang pemborong yang berlesen hanya dibenarkan untuk menjual beras kepada pelesen-pelesen runcit sahaja. Dengan perkataan lain jualan beras kepada bukan pelesen adalah suatu kesalahan yang boleh mengakibatkan tindakan Mahkamah diambil di bawah Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 terhadap pelesen borong berkenaan.

Peniaga runcit yang juga seorang pelesen runcit beras kemudiannya boleh menjual beras kepada individu atau orang perseorangan yang tidak berlesen. Bagaimanapun peruncit beras tidak boleh menjual beras melebihi berat 100 kilogram kepada mana-mana orang pada satu-satu masa. Jika ianya berlaku, tindakan Mahkamah juga boleh dikenakan ke

atas peruncit berkenaan. Berkemungkinan dengan sebab itu para peruncit lebih berhati-hati dalam perniagaan mereka.

Pada asasnya bekalan Bekalan Beras Nasional di semua tempat adalah mencukupi tetapi kesukaran memperoleh beras berkenaan di pasaran berlaku dan keadaan yang sama juga terjadi di setengah-setengah tempat di seluruh Negara. Keadaan tersebut berlaku kerana semua peringkat pengguna termasuklah peniaga kedai makan, golongan berpendapatan sederhana dan berpendapatan rendah bersaing bagi memperoleh bekalan beras berkenaan berikutan harganya yang murah berbanding beras-beras lain yang terdapat di pasaran.

Bagi menangani masalah tersebut, pihak Kawalselia Padi dan Beras melakukan pemeriksaan rutin dan pemeriksaan 'mengejut' terhadap pemborong yang diagihkan kuota dan rangkaian peruncit pemborong yang terlibat dengan penjualan beras ST15%. Pemeriksaan ini akan menjurus kepada pemeriksaan lesen, gudang/stor, buku stok, inbois belian dan jualan.

**NO. SOALAN :
66**

PERTANYAAN
DARIPADA

LISAN
Tuan Haji Ahmad bin Kasim

TARIKH

22 MAC 2012 (KHAMIS)

SOALAN

Tuan Haji Ahmad bin Kasim [Kuala Kedah] minta PERDANA MENTERI menyatakan status pelaksanaan 1 Malaysia email setakat ini dan implikasi terhadap Pos Malaysia:-

- (a) serta apakah langkah yang diambil demi mengelakkan peningkatan perbelanjaan Kerajaan bagi membiayai kerugian Pos Malaysia; dan
- (b) sila berikan maklumat lengkap latar belakang Tricubes Berhad yang mengendalikan projek tersebut.

JAWAPAN: *(oleh YB Senator Datuk Seri Palanivel a/l K.Govindasamy)*

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) E-mel 1 Malaysia telah mula beroperasi pada 14 September 2011 dan kini boleh digunakan dan dicapai melalui www.mvemail.my. Perkhidmatan e-mel 1 Malaysia ini adalah percuma kepada rakyat. Perkhidmatan ini dikendalikan oleh Tricubes Berhad tanpa melibatkan sebarang kos daripada Kerajaan. Selain perkhidmatan e- mel percuma, projek ini juga menyediakan perkhidmatan nilai tambah, penyampaian dokumen secara digital (*electronic bill presentment*) kepada mana-mana organisasi yang berminat untuk melanggan perkhidmatan tersebut. Melalui e-mel 1 Malaysia juga, pengguna boleh menerima notis atau bil daripada agensi Kerajaan dan swasta secara terus ke akaun e-mel mereka. Ini merupakan kelebihan kerana secara tidak langsung dapat mengurangkan

perbelanjaan Kerajaan yang perlu menghantar notis kepada pengguna secara bertulis. Perkhidmatan e-mel 1 Malaysia merupakan satu inisiatif untuk menambah baik dan memberikan nilai tambah kepada perkhidmatan *online* Kerajaan dengan menyediakan satu lagi saluran penyampaian perkhidmatan kepada rakyat di samping kemudahan yang telah disediakan oleh Pos Malaysia. Urusan orang awam dengan pihak Kerajaan menjadi lebih mudah melalui pelaksanaan e-mel 1 Malaysia. Perkhidmatan e-mel 1 Malaysia ini juga merupakan satu usaha yang menyokong inisiatif Kerajaan ke arah *Green ICT* dan *Paperless Government*.

- (b) **Tricubes Berhad** adalah sebuah syarikat Bumiputera berstatus *Multimedia Super Corridor (MSC)* yang ditubuhkan pada tahun 1995 dan telah tersenarai di MESDAQ semenjak tahun 2004. Tricubes dipelopori dan diterajui oleh beberapa orang usahawan muda profesional bumiputera yang mempunyai kepakaran dalam bidang Kejuruteraan dan ICT. Tricubes terlibat dalam penyediaan perkhidmatan ICT di samping pembangunan produk ICT tempatan yang berkualiti di dalam bidang seperti *Enterprise Mobility* dan *Identity Authentication*. Syarikat ini telah menunjukkan peningkatan kedudukan yang kompetitif di dalam industri IT serta Keselamatan dan Telekomunikasi.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

Pertanyaan	PERTANYAAN LISAN
Daripada	Tuan Amran Bin Ab. Ghani [Tanah Merah]
Tarikh Menjawab	22 Mac 2012 (Khamis)
Soalan	: No. 67 (PR-1251-L49060)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT MESYUARAT
PERTAMA, PENGGAL KEL1MA, PARLIMEN KE-12, 2012**

Tuan Amran Bin Ab. Ghani [Tanah Merah] minta MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI menyatakan tindakan yang diambil kepada syarikat tempatan seperti IOI dan Mewaoil yang mengeksport terus minyak sawit ke pelabuhanh Oshdod di Israel.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT MESYUARAT
PERTAMA, PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KE-12, 2012**

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC), sebagaimana lazimnya, mengangkat kukuh dasar luar negara kita Malaysia, iaitu tidak mempunyai hubungan diplomatik dengan Negara Israel.

Keahlian Malaysia di dalam Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan Pertubuhan Perdagangan Antarabangsa (WTO) bermakna Malaysia hanya mengiktiraf sekatan ekonomi atau perdagangan secara pelbagaihala (*multilateral*) terhadap Israel kerana ia juga adalah ahli PBB sejak 1995.

Kementerian tidak melaksanakan sekatan ekonomi atau perdagangan secara sehalu (*unilateral*) kepada mana-mana Negara di dunia melainkan persetujuan bersama di capai di bawah PBB.

Pada masa ini bentuk perhubungan Malaysia dan Israel adalah melalui rangkaian bekalan antarabangsa (*international supply chain*) yang kebanyakannya membekalkan bahan mentah seperti minyak sawit dan komponen elektronik. Ia dikendalikan oleh syarikat-syarikat multinasional (MNC), seperti IOI Loders Crokklan Oils Sdn Bhd, yang beroperasi di Rantau Teluk termasuk Israel. Ini adalah sebahagian dari amalan perniagaan antarabangsa dibawah kawalan syarikat-syarikat MNC itu sendiri. Produk-produk yang ingin dieksport ke Negara Palestin pun hanya boleh dibawa melalui pelabuhan Ashdod di Israel. Justeru, IOI Loders Crokklan Oils Sdn Bhd menjalankan perniagaan selari dengan polisi negara. Manakala, MPIC tidak mempunyai apa-apa rekod berkaitan Mewaoil.

Tuan Yang Di Pertua,

**PERTANYAAN-PERTANYAAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT MESYUARAT
PERTAMA, PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KE-12, 2012**

Setiap pengeksporan produk-produk berasaskan minyak sawit memerlukan lesen dari Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) bagi tujuan rekod perdagangan. Dalam hal ini, lesen MPOB tidak mempunyai larangan pengeksporan disamping tidak memantau destinasi akhir eksport produk-produk sawit Malaysia termasuk melalui Negara ketiga. Urusan eksport produk-produk sawit merupakan transaksi yang dijalankan oleh sektor swasta yang berasaskan "*business to business*".

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

YB DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR

TARIKH

22 MAC 2012

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kenapa Koperasi Permodalan FELDA tidak dibenarkan memegang secara langsung saham miliknya di dalam FELDA Global Ventures Holdings Berhad (FGVH) selepas FGVH disenaraikan.

JAWAPAN

**DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN
TIMBALAN MENTERI DI JPM**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPF telah dijemput untuk menyertai penyenaian ini sebagai pemegang saham tunggal terbesar di dalam FGVH. Walaubagaimanapun, berdasarkan injuksi yang telah diperolehi oleh segelintir wakil peneroka pada 17 Februari 2012 di Mahkamah Tinggi

Kuantan yang menghalang ~~perbincangan~~ mengenai pelupusan ekuiti milik KPF di dalam FHB semasa Mesyuarat Agung Khas dan memandangkan proses-proses perundangan ini akan mengambil masa yang agak lama untuk mencapai penyelesaian, KPF tidak dapat untuk melibatkan diri di dalam penyenaian FGVH. Walau bagaimanapun, KPF akan dipelawa untuk melabur di dalam FGVH selepas penyenaian.

000000000000000000